


Jilid I
Bil 75



Hari Rabu
30hb Oktober, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12377]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ekstradisi [Ruangan 12454]

Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) [Ruangan 12507]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.I., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri KerjaRaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SUIAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAH ABDUL
RAZ\K (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YOSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (**besut**).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZAU, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan A warn, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LORE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAH JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.m.s. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN Mono. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M, (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, o.p.m.s. (Titiwangsa).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GATJC KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P.A.M.P. P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Belong),
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P.A.M.P.P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDUL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAH BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok),
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bham).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAH MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P.,P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAH ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIH (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAH AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, O.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARUMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suh'or bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 30hb Oktober 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PESTA MALAYSIA

1. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis
minla Menteri Kebudayaan, Kesenian
dan Pelancongan menyatakan:

- (a) matlamat dan objektif mengadakan Pesta Malaysia (Malaysia Fest);
- (b) siapakah sasaran yang ditujukan. Adakah ia tertumpu kepada orang-orang ternama dan pelancong-pelancong asing sahaja ataupun ia meliputi orang awam;
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengisytiharkan tahun 1994 sebagai Tahun Melawat Malaysia yang akan datang; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan landasan kapal terbang di pulau-pulau peranginan bagi menggalakkan pelancongan seperti di Pulau Tioman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, mengenai (a) walaupun beberapa kali

perkara ini telah ditanyakan dan telah dijawab tetapi oleh kerana soalan ini berkaitan dengan soalan-soalan lain maka saya ingin mengulangi mengenai masalah ini.

(a) Objektif dan matlamat mengadakan Pesta Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan satu aktiviti pelancongan khas yang dapat menarik kemasukan pelancong ke negara ini dan pada masa yang sama menggalakkan pergerakan pelancongan dalam negeri (domestic);
 - (ii) mendedahkan keindahan dan kemampuan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pusat tarikan pelancong-pelancong asing dan tempatan di negara ini; dan
 - (iii) mempertingkatkan kadar penginapan di hotel-hotel di Malaysia serta menggalakkan aktiviti membeli-belah di Kuala Lumpur.
- (b) Pesta Malaysia dirangka khusus untuk penyertaan semua pihak. Ini termasuk pelancong-pelancong asing mahupun orang-orang awam atau pelancong-pelancong tempatan. Justeru itu pembabitan dari segenap lapisan masyarakat termasuk pelancong-pelancong asing adalah dialu-alukan dalam setiap aktiviti dalam memeriahkan acara Pesta Malaysia yang tersebut.

(c) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan meneruskan kempen-kempen pelancongan untuk meningkatkan perkembangan industri pelancongan negara. Dengan itu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah merancang untuk mengadakan satu lagi kempen Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, nama dan tema sebenar kempen tersebut masih belum diputuskan. Maka saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat juga boleh membuat cadangan-cadangan tema terutamanya dalam perbahasan Belanjawan yang akan datang ini.

(d) Kerajaan telahpun membina padang terbang-padang terbang di beberapa buah pulau peranginan di negara ini seperti di Pulau Tioman dan juga di Pulau Pangkor di mana sebuah padang terbang sedang dibina. Bagi padang terbang di Pulau Tioman, usaha sedang diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang terdapat di padang terbang ini termasuklah kerja-kerja menurap landasan di mana peruntukan telah diluluskan. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina padang terbang di pulau-pulau yang lain. Namun demikian, jika ada permintaan yang dikemukakan, permintaan untuk membuka padang terbang di pulau-pulau peranginan akan dipertimbangkan dengan mengambil kira potensi pelancongan dan faktor-faktor lain.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada saranan-saranan tadi. Soalan tambahan saya ialah baru-baru ini ada ura-ura untuk membesarkan landasan

kapal terbang di Pulau Tioman. Soalannya apakah ini benar atau tidak? Kalau benar, berapakah peruntukan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam?

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

Tuan Yang di-Pertua, memang benar satu kajian telah dijalankan mengenai kemungkinan membesarkan padang terbang Tioman. Tetapi kos yang terlibat adalah tinggi di samping ianya memberi kesan negatif terutamanya kepada alam sekitar yang sukar untuk dielakkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$3.25 juta untuk padang terbang Tioman. Peruntukan ini adalah digunakan untuk menurap landasan serta juga sebagai makluman Ahli Yang Berhormat bagi pembinaan rumah-rumah kakitangannya.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji

Isahak: Soalan tambahan. Apakah Kuala Lumpur sahaja yang patut diberi tumpuan? Tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk mengalih tumpuan kepada bandar-bandar lain umpamanya Ipoh, Johor Bharu, Kuching, Kota Kinabalu, Kuantan dan juga Kota Bharu?

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan itu. Ingin saya maklumkan bahawa Kuala Lumpur adalah merupakan pintu masuk negara kita, maka kita memberi perhatian kepada Kuala Lumpur.

Sebenarnya Pesta Malaysia ini menggabungkan aktiviti kebudayaan, aktiviti-aktiviti Kerajaan Negeri-negeri lain di Kuala Lumpur dalam satu masa atas matlamat yang saya sebutkan tadi. Tetapi ini tidak bermakna Kementerian membelakangkan negeri-negeri lain kerana sepertimana yang kita semua

maklum negeri-negeri lain juga mempunyai pesta-pesta di peringkat negeri. Umpamanya, Negeri Perak ada Pesta Lumut, Pulau Pinang ada Pesta Pulau Pinang, Negeri Sembilan ada Pesta Port Dickson, begitu juga Terengganu dan negeri-negeri yang lain. Jadi tidaklah benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa kita membelakangkan negeri-negeri lain kerana di dalam promosi kita, kita mesti memperkenalkan Malaysia.

Di samping itu, dalam penggalakan pelancongan kita di luar negeri, kita juga menjemput Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memperkenalkan negeri-negeri masing-masing melalui promosi Malaysia.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini berkaitan dengan bahagian (c) iaitu bercadang untuk mengisytiharkan tahun 1994 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Saya hanya ingin tahu, adakah Kementerian akan menukarpapan-papantandadibillboard yang ada di luar negeri yang menunjukkan orang utan sebagai satu tanda untuk melawat ke Malaysia. Kalau tidak silap saya, itu di panggil Ziela. Jadi, kalau dapat ditukarlah. Kami baru-baru ini berada di Orlando dalam perjalanan untuk ke Walt Disney. Kami masih melihat gambar Ziela. Jadi banyak anggapan orang-orang luar negeri bahawa agaknya kita masih macam orang-orang utan dan masih duduk di dalam hutan dan sebagainya. Ini satu impression yang tidak begitu baik. Diharap ini dapat ditukar dan diberi pengertian yang lebih menarik terhadap negara Malaysia.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Kementerian, kita tidak harus menganggap bahawa logo Tahun Melawat Malaysia 1990 iaitu orang utan ianya mencerminkan kita duduk dalam hutan. Ini berlaku kerana ada

setengah pihak yang tertentu yang telah salah mentafsirkan makna sehingga mereka menterjemahkan dalam bahasa Inggerisnya, "jungle people". Inilah yang menjadi masalah. Tetapi sebenarnya kalau kita pergi ke setengah tempat dibuat yang besar bahkan di setengah-setengah tempat di Amerika yang popular, tempat-tempat yang popular, kita berasa bangga, sebab adanya perkataan "orang utan" di mana ini boleh mengaitkan atau memperkenalkan Malaysia. Di negara-negara tertentu, umpamanya seperti Colombia dan sebagainya, semua binatang juga menjadi sebagai logo dan ini tidak boleh kita jadikan sebagai satu perkara yang merendahkan kita bahkan boleh memperkenalkan Malaysia. Walau bagaimanapun, "billboards" itu jika sekiranya kita dapati tema kita berlainan, maka kita akan menukar. Tetapi setakat ini, tidak, sebab kita menganggap bahawa orang utan itu bukan boleh merendahkan kita orang Malaysia.

PELABUHAN KLANG SEBAGAI TAMAN INDUSTRI MARIN

12. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah cadangan untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai Tarnan Industri Marin terkemuka di Asia bernilai \$1.1 bilion sudah dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, projek Tarnan Industri Marin di Pelabuhan Klang adalah sebuah perancangan PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor). Projek ini meliputi kawasan seluas 1,200 hektar sepanjang Pelabuhan Klang ke Kapar. Di antara aktiviti dan kemudahan yang dirangkakan termasuklah 400 hektar Taman Industri Marin, kawasan kediaman, pekan dan kemudahan-kemudahan sokongan. Walau bagaimanapun, maklumat lanjut boleh diperolehi daripada PKNS.

HUTAN TROPIKA—ISU PEMBALAKAN

3. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa media Barat termasuk majalah "Le Point" keluaran baru-baru ini mengagung-agungkan orang-orang seperti Bmce Manser 'tan lain-lain sebagai "hero" dan pembela hak kaum-kaum yang "tertindas" serta berjaya memperjuangkan pengekalan hutan-hutan tropika dan mempertahankannya daripada pencerobohan oleh pembalakan-pembalakan yang tidak bertanggungjawab yang "diberi permaidani merah oleh Kerajaan Malaysia";
- (b) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk memberi gambaran yang benar dan saksama kepada dunia secara berkesan tentang kedudukan sebenarnya di Malaysia dari segi industri perkayuan dan pengu-rusan hutan; dan
- (c) jika dapat dihitung, setakat manakah kesan ekonomi kepada negara kita akibat daripada kempen kumpulan-kumpulan yang berkenaan.

15.11.91

7. Tuan Rubanie bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha penerangan yang telah dan sedang dijalankan untuk menjelaskan masalah pembalakan hutan tropika di negara ini kepada kumpulan antarabangsa serta "Talibarutnya" di dalam negeri ini yang nampaknya sedang mengeksploitasikan isu pembalakan hutan tropika sebagai satu strategi memburuk-burukkan negara.

9.12.91

21. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mobd. Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang sudah, sedang dan akan diambil bagi menentang kempen-kempen di luar negara yang sentiasa menghina Malaysia di atas dasar perhutanan kita, dan di bawah undang-undang antarabangsa perenggan mana yang mereka boleh memainkan peranan "interference with our political independence, sovereignty and integrity."

20.12.91

I. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah program yang dijalankan oleh Kerajaan bagi menangkis kempen yang dijalankan oleh Pertubuhan Alam Sekitar terhadap kesan pembalakan di negara ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini sekaligus bersama-sama dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 15.11.91, Yang Berhormat dari Larut pada 9.12.91 dan Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 20.12.91 memandangkan keempat-empat soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat ini mempunyai persamaan, iaitu berkaitan dengan kempen anti-kayu tropika, isu hak asasi kaum asli dan isu pembalakan yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar dalam kempen mereka memburuk-burukkan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan sentiasa mengawasi kegiatan yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar yang mengaitkan

isu pembalakan hutan tropika termasuk di negara ini dengan masalah alam sekitar dunia dan hak asasi kaum asli untuk memburuk-burukkan negara ini dan menyekat aktiviti pembalakan.

Dalam kempen mereka, kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar telah memberi gambaran bahawa negara-negara yang mempunyai hutan tropika masih terus memusnahkan hutan mereka tanpa mengambilkira kesannya ke atas alam sekitar dan kebajikan atau kehidupan kaum asli yang bergantung kepada sumber hutan. Mereka mendesak Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan serta kesatuan-kesatuan sekerja di negara mereka untuk mengambil langkah mengharam penggunaan dan pengimportan kayu tropika.

Kedadaan ini timbul disebabkan oleh kurang kefahaman mereka mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini. Mereka beranggapan bahawa aktiviti pembalakan di negara ini sama dengan tebang bersih atau, dengan izin, clear felling, sepertimana yang dijalankan di negara-negara maju. Mereka juga bimbang bahawa negara-negara membangun dalam usaha mengejar pembangunan akan memusnahkan hutan-hutan mereka sepertimana yang terjadi di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, hutan di negara ini adalah diurus bagi memenuhi kepentingan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar dengan mengambilkira keperluan mengekal ekosistem, pemeliharaan spesis dan sumber-sumber genetik, perlindungan hidupan liar, tanah-tanah, air dan iklim.

Luas kawasan berhutan di negara ini dianggarkan berjumlah 18.5 juta hektar atau 56.3% dari keluasan tanah. Dari jumlah ini, 12.74 juta hektar telah diuntukkan sebagai hutan simpan kekal atau permanent forest estates di mana 8.94 juta hektar adalah merupakan huta berhasi (productive) dan seluas 3.8 juta

hektar telah diperuntukkan sebagai hutan perlindungan atau protective. Aktiviti pembalakan yang dijalankan dalam kawasan hutan berhasi adalah berasaskan penghasilan berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membanteras kempen anti-kayu tropika serta menbetulkan tanggapan yang menyakinkan masyarakat dunia, khususnya kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar mengenai sistem pengurusan hutan di negara ini dan juga komitmen negara terhadap pemeliharaan alam sekitar berbagai usaha dan langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Di antara usaha-usaha yang diambil termasuklah:

- (i) Kerajaan telah mengambil inisiatif ke arah mewujudkan Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar termasuk peranan hutan di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada bulan Oktober, tahun 1989.
- (ii) Penyediaan buku, filem dan risalah mengenai sektor perhutanan bagi menerangkan sistem pengurusan hutan di Malaysia untuk edaran keluar negeri.
- (iii) Menghantar misi-misi khusus keluar negeri untuk membetulkan tanggapan masyarakat dunia mengenai isu pengurusan hutan di negara ini serta mendapatkan persefahaman dan sokongan daripada Kerajaan-kerajaan asing. Satu misi di peringkat Menteri ASEAN yang diketuai oleh Indonesia telah mengadakan lawatan ke beberapa buah negara EC pada 8hb sehingga 16hb Oktober tahun lalu untuk menjelaskan amalan pengurusan hutan di negara ASEAN, Lawatan yang sama juga dijangkakan akan diadakan ke negara-negara lain.
- (iv) Kerajaan telah mengambil bahagian yang aktif dalam persidangan dan mesyuarat antarabangsa berkaitan dengan

isu pengurusan hutan tropika dan alam sekitar seperti mesyuarat Penubuhan Antarabangsa Kayu Tropika (ITTO), FAO, mesyuarat-mesyuarat persediaan UNCED dan sebagainya.

- (v) Salah satu langkah penting yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan menerima panel pakar daripada ITTO untuk membuat penilaian ke atas sistem pengurusan hutan di Sarawak yang mana penemuannya telah menunjukkan bahawa Sarawak mempunyai sistem pengurusan hutan yang baik.
- (vi) Kerajaan telah mengatur beberapa lawatan terutamanya bagi tetamu-tetamu negara supaya mereka dapat meninjau sendiri dasar dan pelaksanaan sistem pengurusan hutan di negara ini.
- (vii) Penubuhan Tabung Pembangunan Industri Kayu-kayan Malaysia boleh digunakan oleh pihak industri bagi membanteras kempen anti kayu tropika.

Di samping langkah yang disebutkan tadi, Kerajaan juga akan terus menggunakan pendekatan dua hala dan pelbagai hala dalam usaha membanteras kempen anti kayu tropika.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar penerangan yang begitu panjang lebar oleh Menteri Perusahaan Utama berhubung dengan misi-misi yang telah dihantar atau kempen-kempen Malaysia untuk counter segala kempen berhubung dengan hutan tropika. Tetapi saya ingin tahu mengapakah Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri telah beberapa kali membuat kenyataan akhbar bahawa Malaysia tidak akan mengambil bahagian di Persidangan Kemuncak Bumi yang akan diadakan nanti bagi membersihkan apa yang

dikatakan tadi atau tuduhan-tuduhan yang liar yang tidak bertanggungjawab dan bukan-bukan terhadap Malaysia.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga saya sebagai Menteri Perusahaan Utama mempunyai sikap yang sama di mana kita tahu negara yang telah membangun (developed countries) yang ditekankan oleh pencinta alam sekitar mereka untuk menggunakan Persidangan Kemuncak Bumi (World Conference) yang akan diadakan tahun hadapan di Brazil untuk memberi kesusahan kepada pengeluar kayu-kayan dan negara tropika. Kalau mereka adalah betul-betul atau sebenarnya orang yang cintakan dunia atau alam sekitar dunia, mengapa mereka tidak mengkaji alam sekitar dunia pada keseluruhannya. Siapa yang merosakkan alam sekitar dunia? Siapa yang mengeluarkan obnoxious gas, dengan izin, seperti carbon dioxide yang memburukkan alam sekitar di negara. Mereka yang mengeluarkan bahan-bahan busuk, dia tidak salah, orang yang ada hutan tropika yang salah. Mengapa pembalakan yang dijalankan di dalam negara temperate tidak disalahkan, hanya negara-negara tropika disalahkan dengan tujuan mereka yang sempit untuk dengan izin, to bully negara yang sedang membangun. Kita tidak campur di dalam persidangan ini, Kalau mereka menukarkan sikap, kalau mereka yang menggunakan persidangan ini betul-betul untuk mengkaji alam sekitar dunia, maka barangkali kita boleh menghadiri persidangan itu.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada hari ini akhbar The New Straits Times telah menyiarkan satu artikel mengenai pembalakan haram. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah masalah pembalakan haram menjadi satu masalah yang meluas ataupun yang berleluasa di negara kita

ini? Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya jika saya mengatakan bahawa salah pandangan ataupun misconception di kalangan masyarakat dunia mengenai dengan pengurusan hutankita adalah berkaitan dengan pembalakan haram yang mana kemungkinan Kementerian ataupun Jabatan tidak dapat mengawalinya dengan berkesan pada masa ini.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kemenerlian Perusahaan Utama sedar alas masalah pembalakan haram sejak tahun yang lalu. Kementerian saya telah menyiapkan satu kertas kerja berkenaan pembalakan haram kepada mesyuarat Majlis Perhutanan Negara pada bulan April tahun ini. Dalam kertas kerja ini, Kementerian saya telah memanggil atau menyeru tiap-tiap negeri yang bertanggungjawab ke atas perhutanan untuk menjaga dengan lebih teliti masalah berkenaan pembalakan haram. Saya berasa suka hati melihat keadaan sekarang di mana semua orang telah sedar ada pembalakan haram. Dengan itu dalam persidangan Majlis Perhutanan Negara yang akan datang, kita sedang menyiapkan kertas kerja dan termasuk menggunakan cara remote sensing satellite untuk mengatasi pembalakan haram yang sedang atau akan dijalankan.

Ada satu cara yang lain untuk menghentikan, ada banyak pihak yang mencadangkan adalah lebih baik orang yang kena tangkap kerana pembalakan haram digantung sampai mati, dan ada yang cadangkan buang negeri tetapi saya ingat kita akan menyeragamkan denda-denda ke atas orang yang ditangkap dalam pembalakan haram.

PENYAKIT AIDS

14. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang yang

sedia ada tentang pelacuran dan kegiatan-kegiatan lain yang serupa yang tidak diinginkan untuk mencegah AIDS dari merebak di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji secara menyeluruh segala aspek, termasuk peruntukan undang-undang yang berkenaan dalam usahanya untuk mencegah penyakit AIDS menjadi satu gejala besar dalam negara kita.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tentang pelacuran, walaupun ada undang-undang sekarang, tetapi ada banyak rumah-rumah haram, rumah-rumah pelacuran dan massage parlour dalam Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain. Apakah tindakan yang diambil oleh Polis untuk mencegah apa yang terus terang terjadi di depan mata kita?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu di bawah jagaan Polis dan bukan di bawah jagaan saya. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar kenyataan Yang Berhormat Menteri mengenai tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang membawa pelacur-pelacur masuk ke negara ini untuk mencegah AIDS. Kalau benar, adakah Yang Berhormat sedar, selain dari AIDS, pelacur-pelacur ini juga membawa penyakit kelamin yang lain dan adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan sama ada pelacuran akan dilegalize, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, apakah alternatif yang lain untuk pemulihan beribu-ribu pelacur yang ada di negara ini.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan saya baru-baru ini adalah menyatakan iaitu, sekiranya mereka yang membawa pelacur-pelacur yang membawa virus AIDS atau HIV Positive, dengan izin, mereka ini sekiranya dapat ditangkap, dikesan dan dengan cukup buktinya,

memanglah saya menyeru supaya mereka ini diberi hukuman yang seberat-beratnya seperti mereka yang mengedar dadah, kerana HIV Positive pelacur-pelacur ini boleh membawa maut kepada bukan sahaja mereka yang menjadi pelanggan, tetapi juga kepada mereka yang tidak berdosa seperti anak-anak dan wanita-wanita yang tidak berdosa. Pada mereka yang mencari pelacur-pelacur ini, I have no compassion, dengan izin, kerana AIDS adalah satu penyakit yang dicari. Sebabnya AIDS itu maknanya, Acquired Immuned Deficiency Syndrome. You go and acquired it, so I have no compassion for them. Tetapi kepada anak-anak dan juga kepada wanita yang tidak berdosa, kita perlu membela mereka itu. Saya pun sudah lupa soalan-soalan yang lain tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan untuk, dengan izin, legalize pelacuran ataupun alternatif yang lain sebagai langkah-langkah untuk pemulihan pelacur-pelacur di negara ini. Jadi, saya hendak tambah lagi kerana ada peluang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan. Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya Yang Berhormat itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini sebenarnya bukan peluang. Yang Berhormat sudah kemukakan apa yang hendak disoalkan. Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya compassion itu terhad sangat.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tadi sama ada saya hendak legalize prostitution, dengan izin, itu nampaknya-dalam simple economic term, dengan izin, sekiranya ada demand adalah supply, jadi ini terpulang kepada kaum seperti Ahli Yang Berhormat untuk bertindak.

BANJIR DI BANDAR TELUK INTAN

5. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pertanian menyatakan adakah apa rancangan-rancangan atau projek-projek untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Teluk Intan akibat naik pasang air laut dan hujan monsoon pada tiap-tiap tahun.

- (a) jikalau tidak, mengapa dan bila akan ada; dan
- (b) jikalau ada, bila projek akan dijalankan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar atas masalah banjir yang dialami di bandar Teluk Intan dan telah memulakan kajian untuk mengkaji masalah ini. Kajian ini telah bermula pada Januari, 1991 dan dijangka siap pada bulan November tahun ini dengan penyediaan pelan induk saliran bagi seluruh bandar Teluk Intan. Pelan induk saliran ini akan mengemukakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah banjir yang sedang dialami di Teluk Intan termasuk banjir yang diakibatkan oleh pasang air laut. Ianya juga akan mengenalpasti kekurangan-kekurangan dalam sistem saliran dan akan memberi cadangan bagi kerja-kerja membaiki sistem salinan bagi bandar Teluk Intan.

Projek untuk mengatasi banjir di Teluk Intan hanya boleh diwujudkan selepas kajian pelan induk yang sedang dijalankan itu siap di mana komponen-komponen projek boleh dikenalpasti dan kos projek ditetapkan.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan Teluk Intan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah sama dalam kawasan yang di tepi laut dan kawasan seperti Lumut juga menghadapi masalah dan sepanjang

pengetahuan saya, pegawai-pegawai berkenaan hanya mengorek longkang-longkang atau sungai-sungai tiap-tiap tahun supaya air dapat mengalir dan tiap-tiap tahun membuat demikian.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, secara menyeluruh, dari segi perancangan jangka masa panjang, adakah rancangan khas diberi untuk mengatasi masalah ini dan jika ya, sila Tuan Yang Berhormat memberi butir-butir mengenai rancangan khas ini dan kalau tidak, adakah ini bermakna Kementerian Yang Berhormat akan membekalkan sikap menyelesaikan masalah-masalah banjir apabila ia berlaku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa soalan Yang Berhormat telahpun terkeluar daripada soalan asal, sebab ini berkenaan dengan Teluk Intan.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kajian yang telah dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu akan dibuat oleh sebuah syarikat swasta atau Jabatan? Jikalau swasta, mana satukah syarikat swasta. Kedua, untuk sementara ini sebelum kajian dibuat, adakah apa-apa rancangan untuk buat sementara bagi mengurangkan kebanjiran di kawasan Teluk Intan.

Dato' S. Subramaniam: Bagi menjawab soalan pertama, kajian yang dibuat ini adalah dibuat oleh juru perunding swasta. Namanya kita tidak boleh beri sekarang, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat berminat, saya boleh memberitahu kemudian. Kajian ini akan dibuat dengan kos sebanyak \$805,000.00.

Tentang langkah-langkah sementara ini, seperti saya katakan, masalah banjir di Teluk Intan adalah satu masalah yang besar dan kita tidak bercadang untuk mengambil langkah-langkah buat masa sementara, tetapi seperti saya jawab tadi,

kajian yang sedang dijalankan itu dijangka habis pada bulan November dan selepas itu kita akan memutuskan langkah-langkah yang perlu diambil terhadap masalah ini.

PELANCONG ASING—KESAN BUDAYA RAKYAT TEMPATAN

6. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah kesan kepada moral dan budaya anak negeri ini akibat daripada kehadiran para pelancong luar negeri ke pusat-pusat pelancongan negara ini seperti di Pulau Langkawidandebagainya, terutama kesan daripada berkembangnya pelacuran, penyalahgunaan dadah dan penyakit AIDS kepada anak tempatan.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mendapati bahawa kehadiran pelancong-pelancong asing ke negara ini tidak mempengaruhi moral dan budaya rakyat tempatan. Malahan kehadiran mereka telah memberikan kesedaran dan kesempatan kepada rakyat tempatan memperkenalkan kepelbagaian kesenian dan budaya yang unik. Aktiviti ini merupakan salah satu daya tarikan pelancongan yang mendapat perhatian daripada pelancong-pelancong asing. Selain daripada itu, penampilan aktiviti itu juga telah memberikan satu lagi punca pendapatan tambahan kepada rakyat tempatan.

PENUNTUT TERLIBAT DALAM AKTIVITI NEGATIF

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan terdapat kes-kes di dalam mana murid sekolah dan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi kadangkala terlibat dalam pergaduhan sesama sendiri, tunjuk perasaan, kegiatan menja-

hanamkan harta benda sekolah dan yayasan, memukul guru, mengguna dadah dan menghisap rokok, apakah nisbahnya dengan bilangan murid dan penuntut dan adakah tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti negatif yang disebut itu adalah amat kecil bilangannya, malahan Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang aduan mengenai kegiatan-kegiatan negatif ini di kalangan pelajar-pelajar universiti.

Namun begitu, Kementerian Pendidikan menganggap keadaan ini serius dan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengurangkannya. Kementerian Pendidikan akan sentiasa mengawasi kegiatan semua pelajar di pelbagai peringkat institusi pendidikan agar mereka akan menjadi ahli masyarakat yang bertanggungjawab, penyayang, berdisiplin dan bermoral.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk menjaga disiplin murid-murid. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada terdapat murid-murid yang selalu menunjukkan tanda-tanda lucah seperti yang ditunjukkan oleh beliau semalam? (*Tepuk*)

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham maksud soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tak perlu dijawab. Yang Berhormat boleh kemukakan soalan tadi, cuma soalan itu sudah jelas. Saya rasa tak payah diulangi lagi, cuma satu sahaja yang saya hendak beri tahu, kemukakan soalan dengan singkat.

Tuan Lau Dak Kee: Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa terdapatnya murid-murid sekolah yang kadang-kadang menggunakan atau menunjukkan tanda-tanda lucah seperti yang ditunjukkan oleh beliau semalam di Dewan ini. (*Tepuk*)

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu apa yang saya tunjukkan semalam. (*Disampuk*) Kalau Ahli Yang Berhormat dari Ipoh hendak memperkecil-kecilkan saya, lain kali apabila saya masuk ke Dewan ini, saya terpaksa, dengan ini, place my hand at the back, supaya tidak boleh salah tafsir. Tetapi lain kali apabila saya masuk ke Dewan ini, janganlah anggap saya seorang yang sombong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat. Kok Lanas.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kementerian sedar bahawa selain daripada masalah yang ditimbulkan oleh murid-murid seperti masalah tunjuk perasaan, kegiatan menjahanam harta benda sekolah, apakah pihak Kementerian sedar bahawa terdapat juga kesilapan di pihak guru, misalnya perbuatan menderakan budak-budak sekolah, sexual assault kepada murid-murid seperti yang berlaku baru-baru ini. Apakah tindakan-tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak Kementerian terhadap guru-guru yang bersikap seperti itu?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas mengenai soalan itu. Memang Kementerian Pendidikan selalunya mengambil tindakan yang keras terhadap guru-guru yang berbuat demikian. Sungguhpun bilangan kejadian seperti itu amat kecil, tetapi saya ingin memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan

yang sewajarnya terhadap apa-apa yang terjadi iaitu kalau mengikut siasatan kita sekiranya benar berlaku, kita akan mengambil tindakan disiplin berkaitan dengan sewajarnya dengan apa yang telah berlaku.

TIMBANG BERAT MUATAN— PENGUATKUASAAN

8. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah timbang berat barang-barang yang diangkut akan dilaksanakan. Kelihatan bahawa tempat timbang berat muatan itu tidak digunakan dekat Kalumpang yang mana perbelanjaan membinanya agak besar juga.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sememangnya melaksanakan penguatkuasaan timbang berat barang-barang yang diangkut melalui penggunaan mesin-mesin penimbang yang terdapat di pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri dan juga Cawangan-cawangan serta mesin-mesin penimbang milik pihak Polis Di Raja Malaysia. Kenderaan-kenderaan yang disyaki membawa muatan lebih akan diiring ke tempat di mana mesin penimbang ditempatkan.

Berhubung dengan tempat timbang yang masih tidak digunakan dekat Kalumpang, Selangor, saya suka memaklumkan bahawa struktur asas tapak tempat timbang itu telahpun siap dibina oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Pada masa ini pihak JKR masih dalam proses mendapatkan mesin timbang untuk dipasangkan di stesen tersebut. Apabila mesin timbang siap dipasang kelak termasuk dengan kemudahan-kemudahan lain, ianya akan diserahkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk digunakan. Kementerian

Pengangkutan telah dimaklumkan bahawa pihak JKR akan dapat menyiapkan kerja-kerja pemasangan mesin timbang dan kemudahan-kemudahan lain di stesen timbang Kalumpang pada awal tahun 1992.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan dalam memperbaiki jalan-jalan raya yang telah rosak diakibatkan oleh lori-lori yang mengangkut barang-barang dengan tidak mengikut berat muatan yang ditetapkan.

Soalan yang kedua, adakah pihak Kerajaan sedar, mengikut kajian, bahawa negara-negara maju telah melaksanakan timbang berat muatan di highway-highway dengan begitu berjayanya dalam mengawal lori-lori muatan barangan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tidak di bawah urusan Kementerian Pengangkutan tetapi adalah di bawah urusan Jabatan Kerja Raya.

Yang keduanya, memang Kerajaan sudahpun membuat keputusan iaitu untuk menggunakan mesin-mesin timbang ini. Bukan tidak ada dan selama ini ada tetapi tidak mencukupi. Apabila sesebuah lori ditahan dan disyaki membawa lebih muatan terpaksa dibawa berpuluh-puluh batu jauhnya. Oleh kerana itu kita akan menambahkan 24 lagi mesin timbang di 24 tempat dan kelmarin semasa perbahasan peringkat Jawatankuasa, saya telah pun menjelaskan, menyebutkan tempat-tempat yang akan kita laksanakan mesin timbang ini yang akan boleh beroperasi pada tahun 1992 dan jumlah peruntukan yang dipohon untuk melengkapkan pasukan penguatkuasa dan juga 13 stesen timbang yang statik ini dengan 7 pasukan penguatkuasaan yang bergerak ialah

\$1,587,100. Memang kita masih di dalam proses mengambit tindakan di dalam perkara ini.

PERSATUAN PENGGUNA— PERANAN

9. Tuan Mohamed Khalid bin Nordin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapakah jumlah persatuan-persatuan pengguna di negara kita dan sejauhmanakah peranan dan hubungan persatuan-persatuan pengguna dalam membantu Kementerian hak-hak pengguna; dan
- (b) apakah bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada Persatuan-persatuan Pengguna ini supaya mereka dapat memainkan peranan dan fungsi mereka dengan baik dan berkesan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebanyak 16 buah persatuan pengguna iaitu 13 buah persatuan pengguna di peringkat negeri, 2 buah di peringkat cawangan iaitu di Ipoh dan Sibu dan 1 (satu) Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang merupakan badan gabungan kepada Persatuan-persatuan Pengguna Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap negeri mempunyai persatuan pengguna masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa persatuan-persatuan pengguna memainkan peranan yang penting di dalam membantu Kerajaan pada amnya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya bagi

mendidik dan melindungi hak-hak pengguna. Persatuan-persatuan pengguna adalah merupakan sumber maklumat terpenting yang telah membantu Kementerian mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna. Melalui aduan-aduan yang dibuat oleh persatuan-persatuan pengguna, beberapa masalah pengguna telah dikenalpasti dan diatasi oleh Kementerian seperti masalah kenaikan harga barangan dan penyelewengan-penselewengan yang berlaku di dalam pasaran.

Selain daripada itu, persatuan-persatuan pengguna juga telah membantu Kementerian dengan mengemukakan pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat mengenai apa juga perkara yang berkaitan dengan kepenggunaan melalui wakil-wakil mereka di dalam Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Pihak Kementerian sentiasa memberi perhatian dan pengiktirafan terhadap pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat tersebut.

Dari segi pendidikan pengguna, pihak Kementerian sememangnya sentiasa bekerjasama dengan persatuan-persatuan pengguna dalam menjayakan program-program pendidikan pengguna. Kementerian sentiasa menjemput persatuan-persatuan pengguna mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pendidikan pengguna yang dianjurkan oleh Kementerian. Sebaliknya Kementerian juga mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan pengguna. Hubungan rapat ini adalah perlu dalam usaha kita untuk menyedarkan pengguna mengenai hak dan tanggungjawab masyarakat sebagai pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi bantuan kewangan, Kerajaan telahpun mengeluarkan bantuan tersebut semenjak tahun 1966 lagi. Setakat ini sejumlah \$1,568,930 telah diagihkan

kepada persatuan-persatuan pengguna. Sementara itu bantuan dari segi tenaga atau kepakaran pula adalah untuk membantu persatuan-persatuan pengguna mengatasi aduan-aduan yang diterima serta menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan pengguna seperti ceramah, seminar dan pameran.

Selain dari itu, sokongan orang ramai terhadap persatuan-persatuan pengguna ini adalah perlu. Dengan menjadi ahli kepada persatuan-persatuan pengguna, orang ramai akan dapat membantu persatuan, sama ada dari segi kewangan mahupun kekuatan persatuan itu sendiri. Dengan wujudnya persatuan-persatuan pengguna yang kuat dan mendapat sokongan daripada masyarakat, pihak Kementerian percaya sumbangan persatuan-persatuan pengguna dalam mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan kepenggunaan akan menjadi lebih berkesan dan bermakna lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah National Advisory Council for Consumer Protection masih bergiat menjalankan tugas, kalau ada apakah tugas yang dimainkan sekarang. Adakah tugas ini mencukupi untuk melindungi pengguna? Dan adakah benar bahawa pihak Kementerian sudah mengadakan kaunter-kaunter di pasar-pasar, kalau ada berapa kaunter telah diadakan dan berapa cawangan Kementerian sudah ditubuhkan sekarang untuk kegiatan mencegah kenaikan harga dan juga berapa mobile consumer control centres yang telah diadakan sekarang?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab berkenaan dengan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Kerana perkara-perkara yang telah dipinta oleh Ahli Yang Berhormat itu memerlukan detail-detail seperti kaunters dipasar-pasar, bilangan cawangan dan sebagainya, kalau hendak buatlah soalan yang lain, tidak usahlah masukkan ke dalam soalan yang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan masih berfungsi dan pihak Kementerian sentiasa mengadakan rundingan dengan Majlis yang berkenaan dan baru-baru ini kita telahpun mengadakan rundingan mengenai Rang Undang-undang yang berkaitan dengan Akta Sewa Beli. Mereka telahpun kemukakan pendapat berkenaan perkara ini sebelum kita kemukakan kepada Jemaah Menteri dan juga kepada Dewan yang mulia ini.

Selain daripada itu, mereka telah memberi pandangan berkaitan dengan dapur minyak yang perlu mendapat pengesahan daripada SIRIM dan lain-lain. Dan sekarang mereka sedang giat memberi nasihat berkaitan dengan beberapa perkara termasuk mengenai jualan secara langsung, Akta Hal Ehwal Pengguna dan sebagainya. Jadi, ini bermakna bahawa Majlis itu masih berfungsi dan Kementerian masih memerlukan khidmatnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa peranan Persatuan Pengguna ini penting terutamanya dalam melindungi hak kepentingan pengguna dalam Sistem Ekonomi Bebas. Tetapi saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah peranan Kementerian bagi menentukan supaya Persatuan-persatuan Pengguna ini, oleh kerana kenyataan-kenyataan mereka ini boleh mempengaruhi suasana ekonomi dan kepentingan usahawan-usahawan terutamanya pengeluar-pengeluar. Oleh itu, saya ingin mengetahui dengan lebih terperinci bagi menentukan bahawa Persatuan Pengguna mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang sahih, yang tepat, jika tidak, ia menjejaskan banyak pihak dan juga mungkin diambil kesempatan oleh parti-parti politik menjadikannya sebagai isu politik.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum iaitu Persatuan-persatuan Pengguna ini adalah ditubuhkan di bawah Akta

Pertubuhan dan mereka bebas untuk membuat kenyataan-kenyataan. Namun begitu, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat iaitu sebagai Persatuan Pengguna yang bertanggungjawab, mereka hendaklah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak mengelirukan dan akan menjejaskan keadaan ekonomi negara kita ini.

Jadi, oleh itu, di samping Kementerian berusaha untuk memastikan bahawa Persatuan-persatuan Pengguna ini menjalankan tugas berdasarkan kepada matlamat persatuan ditubuhkan, mereka juga hendaklah bertanggungjawab dari segi kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan.

PUNB—GARISPANDUAN OPERASI

10. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah garis-garis panduan operasi PUNB yang baru ditubuhkan baru-baru ini. Adakah penumpuan matlamat semata-mata untuk membantu kumpulan membuat barangan-barangan eksport bumiputera. Bagaimana dengan kumpulan bumiputera yang rneng-eksport perkhidmatan, dan yang membekal perkhidmatan teknologi tinggi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, adalah pada prinsipnya bertujuan untuk mewujudkan masyarakat usahawan bumiputera yang berdaya-maju dan berdaya-saing dalam aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian selaras dengan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, PUNB merupakan anak syarikat milik penuh Yayasan Pelaburan Bumiputera. Ia ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965

dan diuruskan sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan komersial. Modal dibenar permulaan syarikat ini ialah \$200 juta mengandungi 200 juta saham pada nilai \$1 setiap unit saham. Sementara itu modal dibayar permulaan syarikat ini ialah \$100 juta mengandungi 100 juta saham pada nilai \$1 setiap unit saham. Dan pada tahun 1992 Kerajaan akan menambah modal ini dengan sebanyak \$200 juta lagi.

Tuan Yang di-Pertua, objektif PUNB adalah seperti berikut:

- (i) Membantu meningkatkan jumlah usahawan bumiputera yang terlibat dalam sektor industri dan komersial;
- (ii) Membantu meneguhkan kedudukan usahawan yang terlibat dalam perusahaan kecil dan sederhana khususnya di bidang pembuatan; dan
- (iii) Membantu melengkapkan usahawan bumiputera dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan.

Di antara aktiviti utama PUNB pula akan merangkumi bidang-bidang berikut:

- (i) Menyediakan modal kepada syarikat-syarikat bumiputera menerusi:
 - (a) Pelaburan permulaan;
 - (b) Pelaburan pembangunan;
 - (c) Pelaburan susulan; dan
 - (d) Pelaburan pengambil-alihan.
- (ii) Memberi kemudahan latihan keusahawanan bersepadu dan praktikal yang merangkumi aspek kewangan, pengurusan, teknologi, pemasaran seterusnya menerapkan nilai-nilai budaya dan etika kerja yang profesional;

- (iii) Menyediakan maklumat perniagaan dan perkhidmatan runding cara.

Di antara garis panduan operasi dan kumpulan sasaran bagi melaksanakan objektif PUNB, adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh usahawan bumiputera;
- (ii) Syarikat usahasama di antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera, di mana usahawan bumiputera memegang kuasa majoriti;
- (iii) Syarikat usahasama di antara usahawan bumiputera dan pelabur asing;
- (iv) Pengambil alihan oleh pengurusan bumiputera; dan
- (v) Syarikat milik Kerajaan.

Keutamaan juga akan diberi kepada industri pembuatan sama ada yang berasaskan kepada sumber asli ataupun bukan yang sumber asli adalah seperti berikut:

- (a) keluaran getah;
- (b) kelapa sawit;
- (c) memproses makanan yang berasaskan kepada kayu, kimia dan petro kimia;
- (d) keluaran yang tidak berasaskan keluli; dan
- (e) keluaran bukan logam, minyak dangas.

Sementara industri-industri yang bukan berasaskan sumber asli adalah seperti elektronik dan elektrik, telekomunikasi, peralatan pengangkutan, jentera dan keluaran kejenteraan keluli dan tekstil. Walau bagaimanapun, PUNB juga akan menimbangkan untuk

membiayai industri selain daripada pembuatan seperti perkhidmatan, pengancongan dan perdagangan.

Selain daripada itu, syarikat-syarikat berkenaan juga perlulah memenuhi keperluan tertentu yang antara lainnya adalah seperti berikut:

- (a) syarikat mestilah sebuah syarikat sendirian berhad;
- (b) dana pemegang saham syarikat harus sekurang-kurangnya \$250,000 sehingga \$2.5 juta tetapi jumlah kos pelaburan sesuatu projek tidak melebihi \$10 juta; dan
- (c) syarikat perlu memiliki lesen, permit dan beroperasi di tapak yang dibenarkan oleh undang-undang.

Sebagai kesimpulannya, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa PUNB dijadualkan akan dilancarkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu yang ketiga, bulan Januari, tahun hadapan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong sebarang usaha dalam konteks bagi membantu syarikat-syarikat bumiputera mendapat modal pinjaman dalam apa jua perniagaan. Soalan saya, sekarang ini ada lagi satu iaitu PUNB. Sebagai perbandingan, apakah penubuhan seumpama ini tidak bertindih kerana kita Sudan mempunyai banyak institusi, sepatutnya diberi lebih perhatian dari segi membesarkan institusi yang sedia ada. Sebagai contoh, MARA, menentukan wang yang diberi itu digunakan sepenuhnya atau seumpamanya ataupun lain-lain institusi yang sedia ada. Sekarang ini ada pula PUNB. Soalan saya, dari segi rasionalitinya tentang penubuhan PUNB ini walaupun bagi saya, lagi banyak lagi baik, cuma dari segi peranan supaya hanya tidak bertindih dengan institusi yang sedia ada.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya ingin saya menjelaskan bahawa dari segi sasarannya adalah berbeza. Di antara kriteria yang boleh membezakan antara peranan agensi-agensi yang telah sedia wujud dibandingkan dengan PUNB ialah dana pemegang saham syarikat hams sekurang-kurangnya daripada \$250,000 sehinggalah kepada \$2.5 juta dan tidak melebihi \$10 juta.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa tak kurang 13 Kementerian dan tak kurang 60 agensi berkaitan dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan yang mempunyai tanggungjawab secara langsung dan tidak langsung untuk membangunkan masyarakat usahawan bumiputera. Maka dengan penubuhan yang satu lagi ini, sewajarnya lah menggerakkan satu usaha sebegitu rupa, masing-masing dapat meneruskan peranan masing-masing. Walaupun begitu, maka sewajarnya kita mengharapkan satu rangkaian kerjasama yang lebih berkesan di antara mereka dengan harapan bahawa masing-masing akan mempunyai kelebihan sendiri untuk menyumbangkan ke arah pembangunan usahawan bumiputera. Tetapi pada mutakhirnya ialah dengan cara menggerakkan kemampuan agensi yang baru dengan yang lama, maka matlamat 10 tahun akan datang dapat mewujudkan masyarakat usahawan dan peniaga bumiputera, bukan sahaja dari segi bilangannya tetapi dari segi kemampuan dan wibawa mereka.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Ketua Eksekutif Permodalan Nasional Berhad pernah mengatakan bahawa di bawah Dasar Pembangunan Negara, Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) dan anak syarikat PUNB tidak akan menerima peruntukan tambahan daripada Kerajaan. Kalau sedar, mengapa kita ada peruntukan tambahan sekarang? Dan berapa pengusaha

bumiputera akan dilatih oleh PUNB? Bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan lebih lanjut mengenai kenyataannya iaitu pencapaian syarikat-syarikat bumiputera dijangka meningkat dalam tahun-tahun akan datang khususnya dengan rancangan PUNB memasuki syarikat-syarikat yang berpotensi sebagai pemegang ekuiti. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apa yang dimaksudkan sebagai 'memasukinya'?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$100 juta campur \$200 juta datangnya daripada Yayasan Pelaburan Bumiputera, bukan daripada sumber Kerajaan secara langsung. Jumlah yang sudah terkumpul, tersimpan atas nama Yayasan Pelaburan Bumiputera adalah satu jumlah yang lebih daripada mencukupi untuk menampung keperluan sebanyak \$100 juta yang merupakan modal berbayar dan \$200 juta yang telahpun dijanjikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Pengertian kepada 'masuk ke dalam', Tuan Yang di-Pertua, pengertiannya ialah satu pendekatan yang bam yang akan diceburi oleh pihak PUNB di mana pendekatan venture capitalism, pendekatan investment bank, pendekatan sit-money dirangkumkan kesemuanya. Jadi, saya tidak mengatakan satu yang khusus seperti modal teroka untuk PUNB masuk dalam satu-satu syarikat, tetapi saya sekadar menyarankan di sini bahawa kesemua pendekatan sama ada dalam bentuk venture capitalism, dengan izin, ataupun dalam bentuk pendekatan development bank ataupun investment bank akan digunakan sebegitu rupa bahawa PUNB akan masuk sama dalam kegiatan syarikat-syarikat bumiputera, sama ada dalam bentuk memegang saham common stock ataupun preferred stock, dengan izin, ataupun berbagai-bagai bentuk instrument untuk menjadi pemegang ekuiti dalam syarikat-syarikat bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telahpun tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 30 adalah diberi di bawan ini).

LESEN MENANGKAP IKAN LAUT DALAM

11. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah lesen menangkap ikan Laut Dalam yang telah diluluskan oleh Kementerian sehingga 30hb September, 1991; dan
- (b) daripada jumlah lesen yang telah diluluskan berapakah lesen yang telah dibatalkan dan apakah sebab-sebab pembatalan tersebut.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Jumlah lesen menangkap ikan laut dalam yang diluluskan oleh Kementerian Pertanian sehingga 30 September, 1991 adalah 864 unit.
- (b) Daripada jumlah tersebut sebanyak 339 unit lesen (iaitu 39%) telah dibatalkan alas sebab-sebab seperti berikut:
 - (i) Pemohon tidak dapat membina bot walaupun lanjutan tempoh kelulusan yang sesuai telah diberikan. Bilangannya adalah sebanyak 256 unit (75%);
 - (ii) Bot tidak mematuhi syarat-syarat perlesenan yang dikenakan. Bilangannya sebanyak 66 unit (iaitu 20%);

- (iii) Sebab-sebab lain seperti bot tenggelam, musnah, dirampas dan sebagainya dengan bilangan sebanyak 17 unit (5%).

GAJI SEKTOR AWAM—KAJIAN

12. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan dapat melaksanakan memorandum yang telah diserahkan kepada Kerajaan oleh Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Badan-badan Berkanun baru-baru ini;
- (b) sama ada Kerajaan akan menerima semua permintaan ataupun sebahagian daripadanya; dan
- (c) apakah alasan-alasan yang munasabah jika Kerajaan menerima atau menolak semua permintaan atau sebahagian daripadanya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam dengan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dalam melaksanakan urusan kajian menyeluruh terhadap struktur dan organisasi sektor awam termasuk sistem saraannya, Kerajaan telah mengambil-kira memorandum-memorandum daripada Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan dan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Kesatuan Sekerja termasuk memorandum daripada Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan Badan-badan Berkanun. Sungguhpun tidak kesemua tuntutan-tuntutan yang dikemukakan itu dapat dipenuhi oleh Kerajaan, akan tetapi di mana yang boleh Kerajaan telahpun memberikan pertimbangan saksama.

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam telahpun selesai menjalankan tugasnya dan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan telahpun diumumkan kepada lima Majlis Bersama Kebangsaan pada 12 Oktober, 1991 yang lalu. Keputusan Kerajaan itu telah diterima baik oleh pihak pekerja.

BUKU MERAH—PELAKSANAAN DI DAERAH

13. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan keseluruhan pelaksanaan Buku MERAH II di semua daerah;
- (b) masalah utama dari segi perancangan dan operasi pelaksanaan Buku MERAH II ini; dan
- (c) bentuk penyelesaian bagi mengatasi masalah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar); Dua ciri penting di bawah MERAH II ialah pengumpulan data asas yang lengkap yang dipusatkan di peringkat daerah dan penyusunan semula struktur serta peranan jentera penyelarasan pelaksanaan pembangunan di peringkat daerah. Semua pejabat daerah telah bertindak secara positif di dalam mengumpul dan mengemaskinikan maklumat di Bilik Gerakan Daerah masing-masing secara berterusan dan sedar tentang pentingnya kegunaan maklumat dan perlunya maklumat diperolehi dengan sistematik. Di samping itu, usaha-usaha telah diambil ke arah memperkukuhkan perjalanan struktur perancangan dan pelaksanaan di peringkat daerah. Namun dengan pelancaran Dasar Pembangunan Nasional dan perlunya jentera penyelarasan di peringkat daerah disusun semula melalui Arahan No. 1 Tahun 1991 yang berkuatkuasa pada 17 Julai, 1991, dengan sendirinya struktur

perancangan/pelaksanaan di peringkat daerah perlu diubahsuai untuk menepati arahan baru ini.

MERAH II menekankan tentang pengutipan dan pengisian maklumat dan cadangan membangunkan satu sistem maklumat secara berkomputer. Masalah-masalah yang timbul bersabit dengan aspek cadangan membangunkan sistem maklumat secara berkomputer, khususnya mengenai perkakasan, perisian, 'networking' dan komunikasi komputer dan "systems architecture" serta prosedur mengenai pengumpulan, pengemaskinian, penyimpanan data.

Untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah di atas, Kerajaan telah meminta juruperunding menjalankan satu kajian keperluan komputerisasi yang telah dimulakan pada bulan Februari tahun ini dan dijangka siap pada akhir tahun 1991. Kajian ini adalah untuk mengkaji sama ada sistem-sistem maklumat yang sedia ada di semua Kementerian/Agensi boleh dimanfaatkan secara maksima melalui pendekatan yang bersepadu. Kajian ini akan mengemukakan beberapa cadangan sistem berkomputer yang merangkumi pengkalan data sosio-ekonomi dan pengurusan/pengesanan projek pembangunan. Syor-syor yang dikemukakan oleh juruperunding melalui kajian ini jika didapati munasabah akan dilaksanakan setelah penelitian secara mendalam dibuat. Kerajaan penuh yakin bahawa dengan beberapa perkembangan mutakhir di dalam bidang teknologi komputer dan pendekatan Kerajaan mengenainya, telah memantapkan lagi matlamat pelancaran Buku MERAH II.

TELEFON BAGI PENDUDUK SELALO

14. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah permohonan untuk memasang telefon dari Selalo (termasuk Pulau Keroto),

Paradon Sg. Ma'aw, Tg. Kunyit dan Tg. Pang di Sibü akan diluluskan dan sekiranya diluluskan, bilakah ianya akan dipasang; dan

- (b) bila 400 talian bagi kawasan Sg. Bidut, Sibü amatlah mencukupi untuk disambung ke Ensurai, Sg. Empawah, Bukit Lan, Leba'an hingga ke bawah Assam di Sibü.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos
(Dato' Seri S. Samy Vellu):**

- (a) Penduduk di kawasan Telok Assam, Telok Selalo, Ensurai dan Tg. Kunyit akan menikmati kemudahan telefon diakhir tahun hadapan setelah dua buah ibusawat Sistem Multi Access Radio (MARS) siap dipasang di Telok Selalo dan Tg. Kunyit.

Walau bagaimanapun, Telekom Malaysia tidak ada rancangan untuk menambah talian bagi kawasan Sg. Ma'aw dan Tg. Pang kerana pada masa ini tiada sebarang permohonan diterima dari penduduk setempat untuk mendapat perkhidmatan telefon.

- (b) Projek penambahan talian yang dijalankan sekarang adalah untuk menyediakan kemudahan telefon bagi penduduk di kawasan Sg. Bidut yang disediakan kemudahan melalui ibusawat telefon Sibü.

Kawasan Ensurai mendapat kemudahan dari ibusawat Tg. Kunyit, manakala kawasan Sg. Empawah dan Bukit Lan mendapat kemudahan dari ibusawat Bukit Lan. Penyediaan talian tambahan bagi kawasan-kawasan berkenaan dilaksanakan di bawah projek-projek berasingan.

**PEPERIKSAAN BERSAMA BAGI
SEKOLAH MENENGAH CINA
PERSENDIRIAN**

15. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan mengiktirafkan "Sijil Peperiksaan Bersama" bagi Sekolah Menengah Cina Persendirian, kerana ia telahpun mendapat pengiktirafan dari hampir setiap negara di dunia;
- (b) adakah beliau menyedari bahawa dengan pengiktirafan sijil ini, ia akan dapat membantu menyelesaikan masalah pembangunan sumber manusia, pengangguran di kalangan siswazah sekolah persendirian; kekurangan guru-guru di SRJK(C); serta memperbaiki hubungan etnik di dalam negara; dan
- (c) mengapakah universiti bagi Negeri Sarawak yang dicadangkan baru-baru ini tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia Ke 6.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Peperiksaan Bersama bagi Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian adalah dikendalikan oleh pihak lembaga sekolah yang berkenaan. Sekolah-sekolah ini adalah termasuk di dalam kategori sekolah-sekolah swasta.
- (b) Sebenarnya dasar pengiktirafan sesuatu sijil sama ada dari dalam atau luar negara adalah semata-mata untuk tujuan lantikan ke sesuatujawatan yang bersesuaian serta dinilai mengikut keperluannya di dalam Perkhidmatan Awam. Soal sijil tersebut mendapat pengiktirafan daripada negara-negara lain di dunia adalah terpulang kepada negara-negara yang berkenaan. Kerajaan

tidak mempersoalkan negara-negara itu sama ada hendak mengiktiraf atau tidaknya sesuatu sijil itu. Itu adalah hak mereka.

- (c) Kampus Universiti di Bintulu Sarawak telah diperuntukkan wang sebanyak \$94.11 juta untuk pembangunan infrastruktur serta perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya dalam Rancangan Malaysia Keenam.

INFLASI—PAKEJ UNTUK MEMBENDUNG

16. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat ini, langkah-langkah membendung inflasi seperti mengetatkan pinjaman kereta dan pinjaman bank hanya membendung perbelanjaan golongan berpendapatan tinggi dan sederhana ke atas barang-barang berkenaan;
- (b) bagaimana pula dengan langkah-langkah untuk menggalakkan mereka yang berpendapatan rendah mengurangkan perbelanjaan, terutama sekali langkah yang sesuai dengan atau boleh mempertingkatkan keupayaan/kecenderungan menabung yang kecil di kalangan golongan ini;
- (c) sejauh manakah 'spread' kos pinjaman dengan kos simpanan berjaya dirapatkan oleh bank-bank pada hari ini, bila dibanding dengan tahun lalu dan dalam tempoh masa lima bulan pertama tahun ini juga; dan
- (d) apakah di antara usaha-usaha yang boleh dibuat oleh Kerajaan untuk memperbaiki lagi kemudahan menabung (saving facilities), sepertimana disyoran oleh delegasi IMF yang melawat ke Malaysia pada tahun ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan beberapa pakej untuk membendung inflasi dalam tahun ini. Salah satu daripada langkah yang diambil ialah untuk mengurangkan bekalan wang di dalam sistem bank dengan menaikkan nisbah rizab berkanun institusi-institusi kewangan daripada 6.5 peratus kepada 7.5 peratus. Ini telah dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam bulan Ogos 1991. Ianya bertujuan supaya tidak terdapat edaran wang yang berlebihan yang boleh meningkatkan penggunaan dan seterusnya memberi tekanan kepada inflasi. Selain dari langkah tersebut, tindakan untuk mengetatkan pinjaman pembelian kenderaan telah diambil memandangkan pinjaman yang dikeluarkan untuk maksud ini adalah terlalu tinggi. Langkah-langkah ini dikenakan kepada semua orang yang menggunakan sistem bank untuk pinjaman penggunaan. Seperti Ahli Yang Berhormat telah maklum perbelanjaan penggunaan sektor swasta adalah tinggi iaitu \$71 ribu juta dalam tahun ini dan langkah-langkah ini bertujuan membendung perbelanjaan penggunaan.
- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan rakyat menabung sebanyak yang boleh. Saya meminta Ahli Yang Berhormat sabar sehingga hari Belanjawan, bagi mengetahui langkah-langkah yang akan dicadangkan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan tabungan di kalangan rakyat.
- (c) Margin kasar faedah bank-bank perdagangan telah menjadi semakin kecil dalam tempoh lima bulan pertama 1991 daripada 4.49 peratus setahun dalam tahun

1990 kepada 4.45 peratus setahun dan seterusnya menurun kepada 4.19 peratus setahun pada akhir bulan Ogos, 1991. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam kos purata pemberian pinjaman yang tidaklah sebesar kenaikan dalam kos dana dalam tempoh tersebut.

- (d) Delegasi IMF yang melawat ke Malaysia pada tahun ini pada bulan Mei secara umumnya telah menyentuh mengenai cadangan supaya tabungan sektor awam dipertingkatkan. Cadangan-cadangan ini termasuk meningkatkan kadar faedah bank-bank. Walau bagaimanapun, terpu-langlah kepada Kerajaan untuk menimbangkan cadangan tersebut.

PENGEDAR DADAH YANG DIKUKUM

17. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana kekesanan tindakan kepada pengedar dadah di negara ini sejak 1986-1991:

- (a) berapa ramai pengedar yang telah dihukum dan bilangan mereka mengikut kaum;
- (b) berapa ramai lagi pengedar yang belum dihukum;
- (c) berapa ramai yang masih tinggal di pusat-pusat Serenti;
- (d) berapa ramai penagih-penagih yang keluar setelah dipulih di pusat-pusat Serenti telah kembali menagih semula yang telah dikesan; dan
- (e) apakah tindakan Kementerian kepada mereka yang menagih semula.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

- (a) Semenjak tahun 1986 hingga ke 30hb September, 1991, seramai 470 orang pengedar telah

dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Tinggi. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

(i) Melayu	-	155
(ii) Cina	-	220
(iii) India	-	33
(iv) Lain-lain	-	1
(v) Warganegara Asing	-	61
Jumlah		470

Pecahan \Warganegara Asing

(i) France	-	1
(ii) Hong Kong	-	8
(iii) Indonesia	-	3
(iv) Singapura	-	11
(v) Myanmar	-	2
(vi) New Zealand	-	1
(vii) Pakistan	-	2
(viii) Filipina	-	23
(ix) Thailand	-	9
(x) United Kingdom	-	1
Jumlah		61

- (b) Semenjak tahun 1986 hingga ke September 1991 jumlah pengedar yang belum dijatuhkan hukuman (Pending Case) berjumlah 1,123.
- (c) Bilangan pelatih yang masih menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat Serenti pada akhir bulan Ogos, 1991 adalah seramai 5,625.
- (d) Semenjak tahun 1986 hingga 1991 seramai 2,193 orang telah kembali menagih semula.
- (e) Kerajaan akan terus berusaha supaya penagih-penagih, termasuklah yang menagih semula, akan berpeluang menjalani proses rawatan dan pemulihan di pusat-pusat Serenti.

PELACURAN—MEMBANTERAS KEGIATAN

18. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membanteras masalah pelacuran yang berleluasa di negara ini terutama di ibu kota; dan
- (b) apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang di bawah undang-undang jenayah bagi membolehkan tindakan yang lebih berkesan dapat diambil oleh pihak Polis terhadap pelacur-pelacur.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk membanteras kegiatan pelacuran di negara ini. Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Islam dan Majlis-majlis Tempatan sentiasa bekerjasama dan bertindak untuk membanteras kegiatan pelaburan di bawah undang-undang yang sedia ada seperti berikut:

1. **Women And Girls Protection Act 1973.**
2. **Immigration Act 1959.**
3. **Minor Offences Act 3/55.**
4. **Penal Code.**
5. **Restricted Residence Act 1933.**

Sejak kebelakangan ini pihak Polis, misalnya telah menjalankan serbuan-serbuan ke rumah-rumah pelacuran dan penganjur-penganjur pelacuran telah diambil tindakan di bawah Enakmen Kediaman Terhadap iaitu dengan dikenakan perintah buang daerah.

Serbuan dan tindakan penganjur pelacuran yang diambil tindakan sejak tahun 1989 hingga Jun 1991 adalah seperti berikut:

	1989	1990	1991 (Jun)
Serbuan	8016	9659	5360
Tindakan di bawah Enakmen Kediaman Terhadap	10	14	10

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk meminda atau menggubal undang-undang yang sedia ada memandangkan peruntukan dalam undang-undang tersebut sudahpun mencukupi untuk membanteras kegiatan pelacuran.

KESELAMATAN RAKYAT JOHOR AKIBAT LATIHAN TENTERA SINGAPURA

19. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menjamin keselamatan rakyat di Johor Selatan yang seringkali diancam oleh kemalangan-kemalangan akibat daripada latihan ketenteraan sebuah negara jiran.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Bagi menjamin keselamatan rakyat di Johor Selatan dari bencana kemalangan pesawat tentera negara jiran, semasa latihan perkara-perkara berikut telah diputuskan untuk dikuatkuasakan.

- (a) Laluan pesawat ke kawasan latihan ditentukan melalui ruang udara Lautan China Selatan dan tidak kawasan Johor Selatan.
- (b) Bagi tujuan latihan paras rendah (low flying) kawasan yang diperuntukkan adalah ruang udara kawasan hutan di selatan

Pahang dan Laut China Selatan. Kedua-dua ruang udara yang dinyatakan boleh digunakan setelah mengambil kira faktor-faktor keselamatan kerana ianya terletak jauh dari penempatan penduduk dan kawasan perindustrian.

- (c) Walau bagaimanapun, pergerakan pesawat tentera dan awam Singapura masih menggunakan ruang udara Johor Selatan bagi keperluan berlepas dan mendarat. Ini merujuk kepada ketetapan oleh International Civil Aviation Organisation di mana ruang legar pesawat untuk berlepas dan mendarat di lapangan terbang tengah dan Paya Lebar perlu melalui ruang udara Johor Selatan. Ini tidak dapat dilakukan kerana kedudukan kedua-dua lapangan terbang Singapura tersebut.

BEKALAN ELEKTRIK DI DAERAH TENOM

20. Tuan Radin Malleh minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tentang bilakah bekalan elektrik dilaksanakan di kampung seperti Mendalom, Saga, E nubai, Paal, Kemabong dalam daerah Tenom. Ini memandangkan bahawa peruntukannya telahpun diluluskan beberapa tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato' Mohamed bin Jamrah): Peruntukan untuk pembekalan elektrik Kg. Mendalom di Daerah Tenom telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1990 dan dijangka kerja-kerja binaan akan dapat dimulakan pada bulan Disember 1991. Projek pembekalan elektrik ke Kg. Saga, E nubai telahpun dimasukkan di bawah Rancangan

Malaysia Keenam untuk dilaksanakan pada tahun 1995. Sementara itu Kg. Paal dan Kemabong telahpun mendapat bekalan elektrik di bawah Tomani Mini Hydro Station pada bulan April 1988. Bagaimanapun, Kerajaan akan menyemak bagi memastikan sama ada terdapat rumah-rumah di Kampung Paal dan Kemabong yang belum disambungkan dengan bekalan elektrik untuk tujuan penyambungan seterusnya.

KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (TPF)—CARUMAN

21. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan guru yang telah membuat caruman kepada T.P.P.; dan
- (b) mengapakah guru-guru yang telah menamatkan caruman mereka kepada T.P.P. tidak dibenarkan mengeluarkan wang mereka sebelum meningkat usia 55 tahun.

Dr Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dibangkitkan pada sesi yang lalu bertarikh 18.6.1991. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya jelaskan sekali lagi bahawa pada keseluruhannya sehingga 15.10.1991 terdapat seramai 35,612 orang guru yang telah membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (T.P.P.) dengan jumlah caruman sebanyak \$179 juta. Jumlah guru yang masih mencarum dan aktif dalam akaun T.P.P. ialah enam orang.
- (b) Guru-guru yang telah menamatkan caruman mereka kepada T.P.P. tidak dibenar mengeluarkan wang mereka sebelum meningkat usia 55 tahun

kerana mengikut Peraturan T.P.P. 1961 caruman hanya boleh dikeluarkan atas sebab-sebab berikut:

- (i) bersara atas sebab kesihatan.
- (ii) bersara pilihan sendiri/wajib.
- (iii) berhijrah ke luar negara.
- (iv) kematian.

PESAKIT RAKYAT ASING DI HOSPITAL KERAJAAN—RAWATAN

22. **Tuan Joseph Voon** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kesudahan rancangan Kementerian Kesihatan untuk mengenakan bayaran yang lebih mahal kepada pesakit rakyat asing di hospital-hospital Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Pada masa ini pesakit-pesakit warganegara asing dikenakan caj rawatan yang sama dengan pesakit tempatan berpandukan kepada Perintah Fee (Perubatan) 1982. Kementerian Kesihatan Malaysia sedang dalam usaha mengkaji semula Perintah Fee berkenaan dan termasuk kemungkinan untuk mengenakan kadar yang berbeza ke atas warganegara asing.

COMPUTERISED TOMOGRAPHY SCAN DI HOSPITAL

23. **Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan "computer scan machine" yang terdapat di hospital-hospital Kerajaan, mengikut pecahan hospital;
- (b) jumlah orang pesakit setahun yang memerlukan perkhidmatan "computer scan machine"; dan
- (c) sama ada "computer scan machine" yang sedia ada di hospital-hospital Kerajaan dapat menampung perkhidmatan yang diperlu.

Dato' K. Kumaran:

- (a) Pada masa sekarang terdapat 7 buah mesin "computerised tomography (CT) scan" di hospital-hospital Kerajaan seperti berikut:

Hospital Besar Pulau Pinang	-	1
Hospital Besar Ipoh	•	1
Hospital Besar Johor Bahru	-	1
Hospital Besar Kuala Terengganu	-	1
Hospital Besar Kuching	-	1
Hospital Besar Kuala Lumpur	-	2

- (b) Kementerian ini tidak mempunyai bilangan pesakit yang memerlukan perkhidmatan CT scan setahun oleh kerana maklumat ini tidak dicatat dalam rekod. Walau bagaimanapun, ingin ditegaskan bahawa semua pesakit yang memerlukan perkhidmatan ini sedang menerimanya.

Bagi hospital-hospital yang tidak mempunyai alat CT scan, pesakit dirujuk ke hospital-hospital Kerajaan yang mempunyai alat tersebut ataupun ke hospital swasta.

- (c) Alat CT scan yang sedia ada di hospital-hospital Kerajaan memang dapat menampung keperluan pesakit-pesakit yang benar-benar memerlukan perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, untuk keselesaan pesakit, Kementerian sedang berusaha menyediakan perkhidmatan ini di semua hospital-hospital besar. Hospital Besar Kuantan dirancang dibekalkan alat CT scan di hospital barunya.

HOTEL MERLIN—CARUMAN TUNGGAKAN MAJIKAN

24. **Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

(KWSP) tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Syarikat Hotel Merlin Kuala Lumpur Sdn. Bhd. (Hotel Merlin) olch kerana ia tidak membuat bayaran caruman untuk 600 pekerja dari bulan Mei 1990 sehingga Oktober 1990 walaupun beberapa aduan telah dibuat oleh pekerja-pekerja Hotel Merlin. Sila nyatakan sebab-sebabnya kenapa tindakan tidak diambil terhadap Hotel Merlin.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah caruman tunggakan majikan Hotel Merlin dari bulan Mei 1990 hingga Oktober 1990 bagi 600 orang pekerja ialah \$362,547.

KWSP telah meminta pihak Hotel Merlin untuk menyelesaikan tunggakan tersebut dan jika gagal berbuat demikian, tindakan undang-undang akan diambil. Walau bagaimanapun, pihak majikan telah merayu untuk menyelesaikan caruman tunggakan tersebut secara bayaran ansuran. KWSP telah memberitahu majikan berkenaan bahawa KWSP boleh membenarkannya membayar tunggakan tersebut secara ansuran dengan syarat semua caruman tunggakan bahagian pekerja-pekerja dijelaskan terlebih dahulu secara sekali gus. Pihak majikan tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh KWSP itu. Oleh yang demikian, KWSP sedang mengambil tindakan untuk menfailkan kes majikan ini di mahkamah.

**BLOOD SCREENING
DI HOSPITAL**

25. Dr V. David minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) hasil penyiasatan kes di mana skorang pesakit diberi darah yang dicemari dengan HIV; dan
- (b) langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki

kelemahan-kelemahan diproses "analisa darah" atau "blood screening".

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 21.10.1991.

**PEGAWAI TADBIR AM—
KEMASUKAN KE PTD**

26. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah menyelesaikan ketidakpuasan Persatuan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Am Malaysia (PERTAM) dalam penyerapan P.T.A. (Pegawai Tadbir Am) dan menyatakan apakah isu-isu yang masih belum selesai dan bagaimana ianya akan diselesaikan.

**Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji
Abdul Hamid bin Haji Othman):**

Untuk makluman Yang Berhormat, urusan kemasukan Pegawai Tadbir Am (PTA) ke Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) adalah diuruskan secara lantikan dan bukannya melalui proses penyerapan. Golongan Pegawai PTA Tingkatan Tertinggi 'G' dan Tingkatan Kanan yang menerima tawaran pilihan (opsyen) telahpun dilantik ke perkhidmatan PTD. Mereka yang tidak menerima tawaran tersebut terus dikekalkan menjawat jawatan PTA secara khas untuk penyandang. Bagi kalangan pegawai-pegawai PTA Tingkatan Biasa pula, mereka yang berjaya dalam urusan temuduga yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan dilantik ke Perkhidmatan PTD. Mereka yang gagal akan dikekalkan dalam jawatan PTA secara Khas Untuk Penyandang dan diberi peluang seterusnya untuk menghadiri temuduga PTD. Berdasarkan urusan-urusan yang telah dijalankan itu, eksesais kemasukan Pegawai PTA ke Perkhidmatan PTD dianggap selesai.

GAJI PERDANA MENTERI

27. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memotong gaji atau elaun Perdana Menteri sebagai langkah berjimat cermat. Jika ya, bilakah ia berkuatkuasa dan berapakah jumlah potongan tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan potongan gaji atau elaun Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen. Jika ya, bilakah ia berkuatkuasa dan berapa jumlahnya. Jika tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan tidak bercadang untuk "memotong" gaji atau elaun Perdana Menteri, Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen kerana didapati tidak perlu.

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN

28. **Tuan Foo Piew Kok** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan untuk melancarkan operasi Banci Penduduk dan Perumahan yang telah dijalankan baru-baru ini; dan
- (b) sama ada butir-butir yang dikumpulkan itu akan menjadi dokumen awam.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Jumlah keseluruhan peruntukan Projek Banci yang telah diluluskan oleh Kabinet adalah sebanyak \$100 juta. Jumlah ini termasuk kos persediaan, pembelian peralatan, pembayaran elaun pembanci dan penyelia dan juga kos untuk memproses dokumen-dokumen Banci.

- (b) Maklumat Banci yang telah dikumpulkan adalah untuk kegunaan awam tetapi tertakluk kepada peruntukan Akta Banci 1960(disemak 1969).

RUNGUTAN SETINGGAN KAWASAN PANTAI DALAM

29. **Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar terdapatnya rungutan-rungutan daripada setinggan yang terlibat dengan pemindahan rel berkembar KTM oleh kerana beberapa kali penangguhan pemindahan mereka ke rumah-rumah panjang yang disediakan oleh KTM. Jika sedar, nyatakan sebab-sebab penangguhan dan apakah tindakan-tindakan Jabatan beliau untuk mengatasinya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan memang sedar akan terdapatnya rungutan daripada setinggan kawasan Pantai Dalam. Kelewatan pemindahan yang dimaksudkan ialah kerana pada masa itu rumah panjang yang dibina belum siap sempurna sepenuhnya, iaitu masih belum mempunyai kemudahan bekalan elektrik.

Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan bahawa kemudahan bekalan elektrik telah diperolehi sekarang. Pemindahan berperingkat akan dimulakan pada awal November ini dan dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya sebelum 2 Disember 1991.

PENSWASTAAN MELALUI MANAGEMENT BUY—OUT

30. **Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat dasar atau garis-garis panduan khusus bagi "privatisation" melalui Management Buy-Out (MBO).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang, belum ada garis panduan yang khusus mengenai penswastan melalui kaedah Pembelian Syarikat Oleh Pihak Pengurusan ataupun lebih dikenali sebagai kaedah "Management Buy-Out (MBO)". Syarikat-syarikat yang telah diswastakan menerusi kaedah ini telah dipertimbangkan berdasarkan kes demi kes. Langkah-langkah sedang diambil bagi menyediakan garis panduan yang khusus bagi penswastan melalui kaedah Pembelian Syarikat oleh Pihak Pengurusan.

3.37ptg,

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di atas Peraturan 26 (1) (p)

Tuan Lim Guan Eng: Takut, lari ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kota Melaka, jangan menyampuk.

Tuan Lim Kit Siang: . . . juga ada kena-mengena dengan Selandar

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap! Kota Melaka, hormati Tertib Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p) di mana memberi hak untuk sesiapa membangkitkan hal Hak dan Keistimewaan tanpa notis. Perkara yang saya mahu kemukakan ialah mengenai pelanggaran hak dan keistimewaan yang berlaku berpunca daripada apa yang berlaku sematam. Oleh kerana kekecohan yang berlaku semalam adakah kena-mengena dengan Tuan Timbalan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat rela untuk undur daripada perkara ini menanggungkan supaya seorang Tuan

Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua yang tidak kena-mengena, yang tidak bersabit langsung dalam perkara ini boleh buat keputusan mengenai perkara ini atau Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua mahu teruskan melayani perkara ini sungguhpun beliau satu interested party. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah habis, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis. Saya mahu tanya sama ada mahu undur atau tak mahu undur, barulah saya kemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ekoran apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, saya rasa isi kandungan percakapan beliau itu tidak jauh berbeza daripada apa yang pernah dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat, iaitu dari Kota Melaka dan juga dari Kampar. Berbalik kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, saya rasa kalaulah Yang Berhormat hendak buat sesuatu usul berkenaan dengan apa yang dikemukakan, itu boleh dibenarkan dan saya rasa itupun sejajar dengan kehendak Peraturan Mesyuarat. Saya rasa Yang Berhormat faham tentang butiran ini.

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama, ini lagi menunjukkan bahawa sikap yang tidak adil, bias, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya belum kemukakan perkara yang saya mahu utarakan tetapi Tuan Timbalan Yang di-Pertua sudah jump the gun, pre-empt, buat judgement bahawa tidak berbeza daripada apa yang telah berbangkit....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau itu bukan bias, apa itu bias? Kalau itu bukan pre-judgement jumping the gun, apajumping the gun?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar dahulu....

Tuan Lim Kit Siang: Saya sabar. Saya cukup sabar....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya belum habis bercakap....

Tuan Lim Kit Siang: tetapi orang yang bias, susah hendak sabar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya belum habis bercakap dan saya rasa kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan point of order bersabit dengan hak dan kebebasan, itulah jawapan saya sebab sepertimana yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat boleh membuat sebarang usul sama ada ianya ada kena-mengena dengan saya atau tidak, itu tak jadi soal. Perlulah saya ingatkan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormal yang lain bahawa kita di dalam Dewan yang mulia ini kena mematuhi Peraturan Mesyuarat khususnya di bawah Peraturan Mesyuarat 15 di mana urusan Kerajaan perlulah didahulukan berbanding dengan usul-usul yang dibawa oleh individu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum start, itu sudah jump the gun lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, ini saya cuma hendak memahamkan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat dari Kampar ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu jawapan dari seorang Pengerusi yang adil (*Disampuk*), bukan jump the gun, bukan pre-empt!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, apa usul, apa yang hendak dibangkitkan oleh Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Tanya dahulu, faham dahulu sebelum membuat keputusan. Di sini dua tiga kali sudah buat pre-judgement.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu bukan keputusan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah dua tiga kali sudah buat pre-judgement.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, perlu diingatkan apa yang saya sebutkan tadi hanya semata-mata untuk mengingatkan Yang Berhormat dan memahamkan Yang Berhormat dan itu bukan sebarang keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu guilty conscious, bias!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat hendak lepas geram, saya rasa ini bukan tempatnya, setakat itu sahaja.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)fp, saya berdiri atas point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Satu demi satu, Yang Berhormat ya, okay (*Disampuk*)

Beberapa Ahli: Duduklah, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 26(1)fp, point of order, dan saya kata oleh kerana perkara yang saya akan bangkitkan ada bersabit dengan orang sendiri, Timbalan Tuan Yang di-Pertua sungguhpun saya belutn masuk perkara itu, dan tanya sama ada demi kebebasan, demi keadilan, Yang Berhormal Timbalan Tuan Yang di-Pertua mahu undur atau tidak supaya perkara ini boleh dilayani dengan adil, di

mana Timbalan Yang di-Pertua sudah dapat judgement apa yang saya mahu bangkitkan, sudah tiga kali buat satu judgement, ini bukannya bias?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berdegil-degil, ya sebab itu bukan keputusan, cuma saya hendak fahamkan Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Oh, boleh tukar, baik! Boleh lemah sedikit, baik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): ... dan kalaulah Yang Berhormat hendak buat usul, buatlah, ya, janganlah pusing- pusing.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu kemukakan, sebab itu saya lanya, mahu undur atau tidak mahu undur? Kalau tidak mahu undur, baik, itu terpulang kepada rakyat untuk buat keputusan. Itulah saya mahu tanya, saya mahu jawapan sahaja, okay!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa saya sudah jawab, kalau itulah yang disoal oleh Yang Berhormat dari Tanjong

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): iaitu saya akan teruskan tugas saya setakat itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya sudah beri satu chance, itu terpulang kepada Timbalan Yang di-Pertua. Perkara yang saya mahu bangkitkan mengenai hak keistimewaan Dewan yang mulia ini ialah mengenai laporan-laporan oleh berbagai media elektronik semalam, khasnya RTM dan TV3, mengenai laporan kekecohan dalam Dewan ini di mana laporan itu tidak adil, tidak patut, tidak benar, berat sebelah dan oleh kerana itu menimbulkan masalah keistimewaan hak dan keistimewaan Dewan ini. Dan saya ada

sebut RTM, TV3 khasnya dengan mahu memberi satu gambaran bahawa Ahli-ahli DAP sengaja mahu mengendalikan persidangan.

Beberapa Ahli: Betul!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah ambil kesempatan ini untuk buat ucapan panjang lebar, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu beri latar belakang, itu mustahak. Satu perkara hak keistimewaan mustahak! Saya mahu beri latar belakang, tentu Dewan ini mahu dengar apa hujah-hujah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, mustahak pada Yang Berhormat, tetapi saya sudah cakap tadi, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:.... sebab tentu Dewan ini bukan semacam orang yang tidak ada fikiran,... (*Disampuk*) tidak ada fikiran di sana! (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini sebagai kata dua, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Boleh kata tiga pun.

Tuan Ong Tee Keat: Ini terpulanglah kepada pengertian Yang Berhormat dan saya rasa Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya timbulkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya, mahu undur atau tak mahu undur supaya saya boleh mengemukakan, bentangkan perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tak boleh sabar dan tak boleh menerima oleh kerana Pengerusi sendiri bersabit dengan

perkara ini, itulah lebih baik Pengerusi undur supaya orang lain datang, lebih adil!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa telahpun sampai masanya untuk saya membuat keputusan setelah mendengar apa yang cuba dihuraikan oleh Yang Berhormat dari Tanjong,

Tuan Lim Kit Siang: Usul belum dikemukakan, tetapi keputusan sudah hendak dibuat.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalaulah

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu saya bertanya, mahu undur atau tak mahu undur?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalaulah Yang Berhormat tak mengerti Bahasa Malaysia yang saya lafazkan, saya minta maaf dan saya rasa kalau Yang Berhormat.... (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Hendak undur atau tidak? Saya belum memulakan Usul lagi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalaulah Yang Berhormat hendak bangkitkan perkara 26(\)(p) itu, saya rasa Yang Berhormat memang dijemput mengemukakan usul secara bertulis supaya ianya dapat dibaca, ditatap dan dibahas (*Disampuk*) oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Tuan Lim Kit Siang: Akan sampai di peringkat itu!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu sahaja, kalau untuk perhatian sahaja, saya berterima kasih. Terima kasihlah!

Tuan Lim Kit Siang: Bertulis ada, belum sampai, ada! (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu kena dikemukakan secara rasmi dan....

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu saya tanya, sebab you bersabit dengan perkara ini. Kalau mahu bersikap adil dan dengar (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. Setiausaha! Yang Berhormat, sudah cukuplah Yang Berhormat dan kalau Yang Berhormat bertindak sedemikian, saya rasa saya dukacita sangat kerana ini hanya membawa satu mesej sahaja, iaitu Yang Berhormat perlulah mempertingkatkan lagi tahap peradaban Yang Berhormat, itu sahaja! (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Itulah laku kurang ajar. Ini menunjukkan apa? Mana ada keadilan di mana diri sendiri bersabit dengan prejudice (*Disampuk*) Saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p). Belum habis lagi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini saya sudah buat keputusan Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh buat keputusan? (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tadi sudah cakap dan kalau Yang Berhormat.... (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Belum,.... itu takut mahu dengar!

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Sim Kwang Yang: Listen more and talk less....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Bandar Kuching, tertib ya, tertib. (*Disampuk*)

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Sekurang-kurangnya (*Disampuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Apa ruling ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah buat keputusan supaya Yang Berhormat.... (*Disampuk*) kalaulah ingin, bolehlah kemukakan usul secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu habiskan. Itu terpulang kepada kuasa budi bicara Pengerusi mahu terima atau tak mahu terima, tetapi terpulang kepada sesiapa Ahli Parlimen yang berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 26(IXp) untuk mengemukakan kesnya dan saya pun belum start, saya baru start sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah start.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah you mind reader, mind reader, oleh kerana tahu sendiri terlibat, sebab itu saya awal-awal tanya. Mahu undur atau tak mahu undur? Kalau tak mahu undur, mahu berlaku secara adil?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalaulah macam ini, saya rasa Yang Berhormat lebih elok bacakan teks kandungan usul Yang Berhormat, janganlah diselit dengan percakapan yang tidak kena-mengena.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada cara sendiri untuk mengemukakan perkara ini. Ada cara saya untuk kemukakan perkara.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat tetap berdegil sedemikian, saya rasa saya tidak ada pilihan yang lain melainkan minta Yang Berhormat sila duduk! (*Disampuk*)

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 26(10). dan saya menuntut hak untuk mengemukakan apa yang saya rasa (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak baca atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan baca!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila baca.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan baca!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau begitu, saya beri satu peluang. Sila baca.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p)

Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila baca!

Tuan Lim Kit Siang: untuk ambil perhatian Dewan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Janganlah ambil kesempatan, baca!

Tuan Lim Kit Siang:..... mengenai satu perkara hak dan keistimewaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila, sila, tetapi jangan beat around the bush, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah latar belakang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mukadimahnya itu lain, berbeza, daripada latar belakang. Sila!

Seorang Ahli: Just listen.

Tuan Lim Kit Siang: Alright, you mahu usul yang sepeenuh?

Timbalan Yang di-Pertua Sila Tuan Ong Tee Keat): Sila.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang:
belakang dahulu dan jangan takutlah kalau hal

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Bukan takutlah! (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Wah! Pandailah! Pandailah!

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Ketua Pembangkang lama dalam Dewan (*Disampuk.*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar, ya, sabar. Yang Berhormat dari Tanjong, sila baca teks usul.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak mengusulkan supaya ambil perhatian Dewan yang mulia ini mengenai satu perkara hak keistimewaan dan ini pun bukan kali yang pertama saya buat begitu. Dahulu pun saya ada buat perkara semacam ini dan tidak menghadapi apa-apa masalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya sudah beri peluang. Sudah beri peluang . . . (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak menghadapi apa-apa masalah. You mahu campur dalam pertelingkahan itulah masalah, itulah masalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila, masa ini saya rasa ada hadnya, janganlah buat pusing-pusing.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa masa berjalan? Oleh kerana Kerusi campurtangan, oleh kerana tidak mahu ambil satu sikap yang adil.

Seorang Ahli: Oi! itu bukan Usul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah memberi peluang kepada saya untuk mengemukakan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Peluang sudah diberi.

Tuan Lim Kit Siang: Di bawah Peraturan Mesyuarat 26(i)(p)7

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baca terus.

Tuan Lim Kit Siang: atau oleh kerana sendiri terlibat tidak mahu dengar?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baca terus.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baca terus, kalaulah betul-betul hendak buat.

Tuan Lim Kit Siang: Dan perkara itu saya hendak timbulkan ialah mengenai laporan media elektronik iaitu RTM dan TV3 mengenai kekecohan semalam, yang memberi satu gambaran bahawa Ahli-ahli Parlimen DAP sengaja mahu mengendalakan Persidangan Dewan ini.

Beberapa Ahli Kerajaan: Betul.

Tuan Lim Kit Siang: Walhal sebenarnya punca kekecohan ialah sikap tidak adil, bias, niat jahat Timbalan Yang di-Pertua yang mempengerusikan mesyuarat, (*Tepuk*) khasnya dalam RTM2 ada satu Wawancara dengan Timbalan Yang di-Pertua yang mengatakan bahawa dia adil, dia ada sikap yang sama kepada semua Ahli-ahli Parlimen baikpun DAP, Pembangkang ataupun pihak Kerajaan. Tetapi TV2 tidak memberi masa yang sama, masa yang sama-rata kepada DAP untuk membetulkan laporan yang tidak betul dan tidak benar.

RTM dan TV3 melanggar keistimewaan apabila kedua-dua media ini mengenyepikan, tidak mengambil laporan mengenai satu perkara lagi yang menambahkan suasana kekecohan iaitu kelakuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang menunjukkan tanda yang lucah di hadapan semua Ahli-ahli Parlimen, semua pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, semua Pemberita, murid-murid sekolah termasuk ramai wanita. Dan lagi tidak diambil perhatian bahawa sebenarnya Timbalan Yang di-Pertua tidak adil, oleh kerana di masa lampau apabila perkataan 'bohong' digunakan terhadap DAP, beliau tidak tahan dan saya ada Hansard di sini yang boleh dibuat contoh. Hansard bertarikh 15.6.1990 column 3938, masa itu Ahli dari Arau ada berucap, dia mengatakan "kalau mereka tidak sambut cabaran saya, maka DAP adalah sebuah parti pembohong, pemimpin DAP pembohong, samseng". Lau Dak Kee pada masa itu Ahli Parlimen kawasan Pasir Pinji ada objek: "Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 36(6)-sangkaan jahat". Siapa pengerusikan Mesyuarat? Timbalan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen dari Ampang Jaya yang mempengerusikan, Ong Tee Keat, beliau tidak mengambil apa-apa tindakan atau hirauan tentang perkara ini. Kemudian apabila ada pertukaran orang yang mempengerusikan Mesyuarat, di masa

itu Timbalan Yang di-Pertua kedua Dato' Haji Mohd. Amin bin Haji Daud, dalam column 3940 ada membuat satu ruling. Apa ruling ini? "Saya buat ruling: Kalau pembohong kepada DAP tidak apa, tetapi jangan kepada orang". Itulah precedent, (*Tepuk*) itulah ruling. Precedent dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Usul sudah buatkah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, jangan takut!

Beberapa Ahli Kerajaan: Usul!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Adakah

Tuan Lim Kit Siang: Dan dalam *Hansard* bertarikh 14.3.1990 . . .

Seorang Ahli: Jadi pelakonkah?

Tuan Lim Kit Siang:.... prinsip ini ada perbezaan apabila perkataan-perkataan digunakan terhadap parti dan bila digunakan terhadap orang tidak sama. Perkara ini ada ditegaskan oleh Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Zahir bertarikh 14.3.1990, sungguhpun dalam konteks yang lain masa itu mengenai 'diktator Barisan Nasional'. Dan Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar pun ada berkata perkataan ini unparliamentary dan Tuan Yang di-Pertua kata: "Yang Berhormat, kepada parti tidak apa, kepada seseorang tidak boleh". Kepada parti tidak apa, kepada seseorang tidak boleh-itulah peraturannya dan lagi pada 5hb Disember, semasa perbahasan alas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, waktu itu saya bercakap di mana saya ada dakwa dan kata "bahawa UMNO bohong dalam kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Besar 1990". Orang yang mempengerusikan Persidangan di masa itu ialah Tuan Ong Tee Keat-tidak ada bantahan.

Bila perkataan 'pembong' digunakan terhadap DAP boleh oleh Tuan Ong Tee Keat, gunakan terhadap UMNO pun boleh, terhadap MCA tidak boleh, itulah standard.

Kenapa maruah sudah jatuh, kenapa kewibawaan tercabar? Kenapa sudah hilang kelayakan menduduki Kerusi di sana? (*Tepuk*) Semua itu menunjukkan bias, menunjukkan sikap....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak berucapkah atau hendak membaca Usul?

Tuan Lim Kit Siang: Saya beri latar-belakang kenapa mustahak Peraturan Mesyuarat 26(1)(p)—mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mustahak, memang mustahak

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu saya tanya tadi mahu undur atau tidak mahu undur, you sendiri tidak mahu undur, oleh kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah jawab.

Tuan Lim Kit Siang: tidak fikir betapa mustahaknya apabila seseorang duduk di Kerusi itu mahu dapat hormat semua pihak-mahu dapat hormat semua pihak. Di sini sudah hilang kelayakan, hilang kewibawaan, sebab itu susah, biar saya teruskan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat cuma hendak ambil kesempatan ini untuk berhujah dan juga untuk mengkritik. Saya rasa itu telahpun melanggar apa yang kita patut buat, Usul walaupun berulang kali saya telahpun memberi

masa dan peluang keada beliau untuk mengemukakan apa yang difikirkan wajar mengikut peraturan yang dibangkitkan iaitu Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), tetapi malangnya beliau tidak berbuat demikian, maka saya terpaksa memberhentikan Yang Berhormat dari Tanjong daripada bercakap, tahan tidak tahan, itu tidak timbul. Sekian.

Tuan Lim Kit Siang: Tahupun buatsalah. salah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha

Seorang Ahli Cheap publicity.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang boleh jadi professor pembong, ada orang dalam partipun boleh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan bertindak liar ya!

Yang Berhormat telahpun dinasihatkan

Tuan Lim Kit Siang: Memang betul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): dinasihatkan duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah sampai....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ikut Peraturan 44(1), saya tidak akan menunggu Yang Berhormat buat selama-lamanya.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah masalahnya, oleh kerana sendiri sudah terlibat yang tidak mahu mengosongkan Kerusi itu. Dan usul saya sudah sampai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Usul ini, saya rasa sudah 10 minit, belum sampai lagi? Yang saya rasa bila Yang Berhormat diminta

baca teks usul, buatlah terus. Janganlah berdolak-dalik ya, dan saya rasa peluang telahpun diberi. Ini adalah kata muktamad saya.

Tuan Lim Kit Siang: Usul saya ialah untuk memberi kesedaran kepada rakyat, beri pengajaran dan kenapa mustahak Usul ini ditimbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak duduk atau tidak?

Seorang Ahli: Saya mohu soal! Saya mahu soal!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah beri peluang, Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di bawah 26(1)(p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah beri peluang dan masa.

Tuan Lim Kit Siang: Belum

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): tetapi Yang Berhormat jangan buang masa.

Tuan Chor Chee Heong: Tuan Yang di-Pertua, point of order, 43(3).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Chor Chee Heong: Keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Kalau dia tidak mahu keluar, heret dia keluar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya bahawasanya, saya terpaksa menggunakan Peraturan 44(1) terhadap Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Takut dengar latar belakang Usul!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Takut atau tidak, itu tidak timbul kalaulah Yang Berhormat betul-betul dengar apa yang saya cakap tadi. Kalau tidak mahu, tidak bererti apa yang saya cakap tadi, itu terpulang kepada Yang Berhormat. Itu adalah kata muktamad.

Beberapa Ahli: Tidak adil! Kotor!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Beberapa Ahli: Keluar! keluar! keluar! keluar! keluar! keluar! keluar! keluar!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya baru mengganti Pengerusi, harap tenang (*Ketawa*) ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Sampai kepada usul saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya lebih awal sudah sampai....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: kalau tidak ada gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya ingat Aturan Urusan Mesyuarat kita ini membahaskan tentang Rang Undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu benar. Sebelum itu saya berdiri di bawah 26(l)(p) dan saya sudahpun sampai ke peringkat yang akhir untuk kemukakan usul ini. Sebenarnya, usul di bawah 26(\)(p), kalau dibenarkan saya mengambil perhalian ialah usul tanpa notis. Ini bererti tanpa ada dalam Order Paper dan kalau boleh, keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua semalam itu salah. Tanpa notis ialah dan tidak ada dalam Order Paper. Kalau mahu dalam Order Paper itu sudah dengan notis. Ini ialah tanpa notis dan usul saya ialah:

Bahawa Dewan ini mengarahkan RTM dan TV3 membersihkan ataupun purge dirinya daripada penghinaan kerana laporan yang memutarbelitkan, berat sebelah dan salah tentang kekecohan di Dewan Rakyat dan membetulkan laporannya dengan serta-merta dengan memberi masa liputan yang sama rata kepada Ahli-ahli Parlimen DAP dan memberikan kenyataan yang adil dan seimbang tentang kekecohan di dalam Dewan ini. (*Tepuk*) Inilah usul saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tadi, Tuan Yang di-Pertua dengar, tidak ada masalah lagi. Dia tidak mahu dengar oleh kerana dia ada terlibat....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terima kasih, Tanjong. (*Ketawa*) Setiausaha teruskan dengan Urusan Mesyuarat

Tuan Lim Kit Siang: Bukan. Mahu keputusan perkara ini dikemukakan supaya....

Seorang Ahli: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, sabar sebentar. Saya akan buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Keputusan dibuat supaya usul tadi dibentang, hujah sudah diberi bahawa hak keistimewaan terlibat dan satu keputusan perlu dibuat oleh kerana ini tanpa notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Di bawah peruntukan 26(l)(p).

Tuan Lim Kit Siang: Di sini kalau boleh saya boleh sebut petua berkenaan Peraturan 26(l)(p) Hak dan Kebebasan yang dibuat oleh Tan Sri Zahir yang ada dalam *Handsard* Ihb Disember, 1989 yang berkata antara perenggananya ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mabiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: bahawa kenapa kita sekarang harus untuk mengambil satu keputusan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak beri saya buat ruling atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sekarang buat ruling, tidak boleh delay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pertamanya, Yang Berhormat membangkitkan Peraturan 26(1)p, point of order. Jadi, Yang Berhormat sudah melarat kepada usul. Usul itu sebetulnya sudah out of order kerana usul, point of order ini 26(l)(p) itu hanya Yang Berhormatberucap berkenaan usul. Saya akan bacakan 26(10) di dalam *Handsard* juga pada 27hb November, 1986, saya akan bacakan untuk semua mendengar.

Pengumuman Tuan Yang di-Pertua, yang mana telah menerima daripada Ketua Pembangkang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan soal berkenaan dengan Hak dan Kebebasan dan keputusan adalah seperti berikut, katanya:

"Mengikut practice di House of Commons di dalam lewat tahun 70an satu usul mengenai Hak dan Kebebasan akan diberi keutamaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan usul-usul pada hari tersebut, sekiranya Yang di-Pertua berpuas hati bahawa:

- (i) satu *prima facte* case mengenai pelanggaran Hak dan Kebebasan telahpun berlaku; dan
- (ii) perkara-perkara tersebut dibangkitkan pada peluang yang terawal sekali.

Yang Berhormat dari Tanjong itu merujuk kepada Buku Erskine May Parliamentary Practice edisi ke 17 pada mukasurat 376 dan 377.

Nampaknya amalan yang dibuat di House of Commons sebelum 6hb Februari, 1978 jika ada soalan Hak dan Kebebasan hendaklah dibuat aduan kepada Speaker secara persendirian di luar Dewan dan selepas Speaker berpuas hati perkara ini *ad prima facie* kes dan dibuat dengan secepat mungkin maka baharulah Speaker akan memberi keutamaan di dalam Urusan Mesyuarat di atas perkara itu, dan jika sekiranya Speaker tidak berpuas hati akan menolak aduan itu.

(Ini komen Tuan Yang di-Pertua pada hari itu).

Tetapi di dalam Dewan Rakyat kita ini nampaknya kuasa ini tidak ada kepada Yang di-Pertua kerana Peraturan Mesyuarat 14 telah menetapkan perkara-perkara

yang kena diturut sebagai Aturan-aturan Mesyuarat dan Peraturan Mesyuarat 15 pula telah mengesahkan bahawa urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan persendirian."

Oleh yang demikian, mengikut keputusan ini, maka Seksyen 15 Peraturan Mesyuarat, urusan Kerajaan didahulukan dan apabila ada perkara-perkara yang lain dibangkitkan seperti usul harus diberi notis untuk dimasukkan ke dalam Order Paper.

Harap semua pihak berpuas hati dengan perkara ini. Kita tidak menafikan mana-mana hak, tetapi harus mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita telah memakan masa lama. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang terlibat ialah Hak dan Keistimewaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita tidak mengenyahkan hak itu tetapi mestilah mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Tuan Yang di-Pertua ada sebut mengenai ruling yang dibuat oleh Tan Sri Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita terima usul ini. Kita akan masukkan ke dalam Order Paper dan kita tidak boleh bahaskan pada hari ini kerana mengikut Peraturan 15 Urusan Kerajaan didahulukan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, oleh kerana sebab itu, saya mahu menyentuh mengenai petua mengenai Peraturan

26(l)(p) Hak dan Kebebasan, bukan dibuat oleh saya, tetapi dibuat oleh Tan Sri akhir-akhir ini, lebih akhir daripada tarikh yang disebut ialah Ihb Disember, 1989 semasa sebenarnya skandal Vijandran, pornographic video tape scandle masa itu. Dan di sini, ada dengan jelas disebut bahawa kalau saya boleh baca di sini, petua itu bukan oleh saya, Tan Sri Zahir yang beri ruling di sini dan di sini petua berkenaan Peraturan 26(l)(p) dan beliau bersetuju bahawa ada masa diperuntukan di mana perkara semacam ini boleh dibangkitkan dan dikemukakan.

Syarat-syarat ialah daripada mana-mana masa pun berlaku sesuatu kejadian di dalam masa persidangan di mana seorang Ahli melakukan satu perkara contempt atau menghina Dewan, seorang Ahli lain di dalam masa itu juga boleh membuat satu usul supaya Ahli itu meminta maaf, atau jika perbuatan itu berat atau jika kes itu berkehendakkan kepada satu penyiasatan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini biasa berlaku apabila seorang Ahli bangun dan meminta seorang Ahli lain menarik balik perkataan yang dikatakan "unparliamentary". Dan terawal-awal sekali dalam perkara ini, laporan electronic media ialah sekarang yang terawal-awal sekali kita boleh bangkitkan dan ambil perhatian Dewan yang mulia.

Lagi satu paragraph di sini, di mana disebut oleh Tan Sri Dato' Mohamed Zahir mengenai "Parliamentary Practice-Edisi 20". Sekarang sudah sampai Edisi 20, pada masa itu Edisi 17. (*Ketawa*). Edisi 20, muka surat 358: "Urgent matters which require the immediate intervention of the House, if they should occur during a sitting of the House, may be raised at once inspite of the interruption of the debate or other proceedings. "Oleh kerana ini adalah mustahak, kita boleh turunkan sehingga peruntukan-peruntukan ini tidak ada makna.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya akan buat ruling mengikut Seksyen 15 Peraturan Mesyuarat bahawa Urusan Kerajaan didahulukan. Itu jelas.

Dalam Seksyen 25 ini, dia tidak ada mengatakan menggunakan perkataan "notwithstanding any other rules." Itulah interpretation saya, Seksyen 15 prevails, kerana ada Urusan Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada 26(l)(a) dan 26(l)(f) di mana boleh didahului daripada apa-apa Urusan Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sabar Yang Berhormat. Kita boleh berbahas fasal ini sehingga malam tahu!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, oleh kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tetapi Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya mohon kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana kita tidak ada cara, tidak ada saluran untuk membawa seorang baik pun front bench, back bench daripada Barisan Nasional apabila ada berlaku pelanggaran keistimewaan. Kalau ada, itu hal yang lain. Kalau inilah interpretasi apa-apa cadangan bahawa ada pelanggaran keistimewaan oleh orang-orang di pihak Kerajaan, tidak boleh diadili. Sebab itu interpretasi ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita akan memberi pengadilan kepada pelanggaran mana-mana peraturan, tetapi mestilah

mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau Yang Berhormat mengakui bahawa dalam Peraturan Mesyuarat ini, keputusan Yang di-Pertua itu muktamad, saya memohonlah kepada Yang Berhormat bahawa Seksyen 15 itu prevails dalam kes ini.

Tuan Lim Kit Siang: Pandangan kita di sini ialah ini tidak benar bahawa Peraturan 15 tidak prevails dalam perkara ini. Sebagai satu contoh, saya akan kemukakan satu usul untuk ulang kaji "keputusan yang dibuat oleh Tinjbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat bahawa perkataan "bohong" itu unparliamentary. Saya mahu kemukakan, review! Tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat saya perlu 48 jam notis tetapi selepas 48 jam notis, adakah satu jaminan boleh dibuat baik oleh Tuan Yang di-Pertua mahupun Kerajaan bahawa usul itu akan diberi masa untuk keputusan dibuat. Atau adakah ini semua jaminan kosong sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita mengakui bahawa ini tanpa notis. Maksud tanpa notis ialah tidak memerlukan masa, bila-bila boleh memberi notis tentang perkara ini. Tetapi kita akan masukkan seperti biasa dalam Order Paper dan kita akan cuba sedaya upaya untuk mengusahakan agar ia dapat dibincangkan nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya akan kemukakan usul untuk ulangkaji mengenai keputusan "bohong" tidak boleh digunakan dan saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan budi bicara atau good office supaya perkara itu akan dibincangkan dan satu keputusan yang adil dibuat. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan cuba memberi keadilan kepada semua pihak. Keadilan. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDAG

RANG UNDANG-UNDANG EKSTRADISI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta yang berhubungan dengan ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan, di-bacakan kali yang kedua sekarang,

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan mengenai ekstradisi yang berkuatkuasa di Malaysia pada masa sekarang terkandung dalam dua undang-undang yang berlainan iaitu Ordinan Ekstradisi 1958 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 1960 dan Akta Penjenayah Buruan Komanwel 1967 yang mula berkuatkuasa pada 30hb September 1967.

Sejak kedua-dua undang-undang itu dibuat telah banyak perkembangan baru dalam bidang ini. Lagi pula ada peruntukan dalam undang-undang itu yang bertindih atau, dengan izin, overlap. Sudah sampai masanya satu undang-undang yang kemaskini dan menyeluruh mengenai ekstradisi diwujudkan.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang yang disebutkan tadi yang sudah disemak dan disusun semula. Selain itu beberapa peruntukan baru telah dimasukkan supaya Undang-undang Ekstradisi di negara ini nanti selaras dengan Skim Ekstradisi Komanwel dan Konvensyen Untuk Membanteras Kegiatan Pengedaran Dadah Narkotik dan Bahan-bahan Psikotropik.

Peruntukan baru ini akan menyenangkan segala perundingan perjanjian ekstradisi di antara Malaysia dengan negara-negara yang telah memberikan persetujuan kepada Skim Ekstradisi Komanwel atau yang menjadi pihak kepada konvensyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menghuraikan peruntukan Rang Undang-undang ini satu-persatu kerana Huraian sedemikian sudahpun disertakan bersama dengan Rang Undang-undang ini sebagaimana terkandung dalam Kertas DR. 32/91 dari halaman 41 sehingga halaman 45. Bagaimanapun, izinkan saya menerangkan peruntukan-peruntukan baru mengenai ekstradisi yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini dalam segala permohonan ekstradisi, kes *prima facie* perlu dibuktikan. Peruntukan yang terkandung dalam Pasal 4 dan 20 akan membolehkan prosedur yang tidak memerlukan pembuktian kes *prima facie* dipakai dalam kes-kes tertentu apabila arahan bagi pemakaian prosedur sedemikian diberikan oleh Menteri. Menteri boleh memberikan arahan sedemikian hanya jika Malaysia mempunyai perjanjian dengan satu negara lain dan perjanjian itu mengandungi peruntukan yang membenarkan pembuktian kes *prima facie* diketepikan dan hanya bagi permohonan ekstradisi yang diterima daripada negara sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kesalahan-kesalahan ekstradisi disenaraikan satu-persatu dalam Undang-undang Ekstradisi. Ini tidak praktik kerana setiap kali keputusan diambil untuk memasukkan kesalahan ekstradisi baru, undang-undang itu akan perlu dipinda. Rang Undang-undang baru ini tidak menyenaraikan kesalahan itu satu-persatu tetapi mengikut Pasal 6 diperuntukkan bahawa kesalahan ekstradisi adalah satu kesalahan

termasuk kesalahan fizikal yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan yang tidak kurang daripada satu tahun atau boleh dihukum di Malaysia atau di negara yang meminta ekstradisi itu dengan hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang yang ada sekarang terdapat beberapa sekatan terhadap pengembalian penjenayah-penjenayah buruan. Dalam Rang Undang-undang ini dua sekatan tambahan telah dimasukkan. Ini dapat dilihat dalam perenggan (b) dan (c) Pasal 8. Menurut peruntukan-peruntukan itu, seseorang penjenayah buruan tidak boleh dipulangkan ke negara yang meminta supaya ia diekstradisikan jika permintaan itu dibuat dengan tujuan untuk mendakwa atau menghukum penjenayah buruan itu oleh sebab ras, agama, kerakyatan atau fahaman politiknya, atau jika dia mungkin akan termudarat dalam perbicaraannya atau dihukum atau dipenjarakan oleh sebab ras, agama, kerakyatan atau fahaman politiknya.

Selain itu, Fasal 9 Rang Undang-undang ini memasukkan peruntukan baru yang merupakan kecualian bagi sekatan terhadap pemulangan kerana kesalahan yang bersifat politik. Di bawah Pasal 9 ini pembunuhan atau kesalahan sengaja yang lain terhadap Ketua Negara atau anggota keluarga terdekat Ketua Negara itu tidak dikira sebagai kesalahan politik. Satu kecualian lagi diperuntukkan dalam hal apabila Malaysia dan negara yang meminta ekstradisi itu menjadi pihak kepada suatu triti antarabangsa yang di bawahnya sesuatu perbuatan adalah merupakan suatu kesalahan kerananya seseorang itu boleh diekstradisikan atau didakwa walau apa pun sifat politik atau dorongan perbuatan itu. Dalam hal sedemikian orang itu boleh dipulangkan ke negara itu walaupun kesalahannya bersifat politik.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baru selanjutnya yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini ialah mengenai Rukun Kekhususan dan penyerahan kepada negara ketiga. Rukun Kekhususan yang terkandung di dalam undang-undang ekstradisi yang sedia ada menyatakan bahawa seseorang penjenayah buruan yang telah diserahkan ke negara yang meminta penyerahannya, tidak boleh didakwa atau ditahan di negara tersebut untuk sesuatu kesalahan, selain daripada kesalahan yang berkaitan dengannya penyerahan itu diminta. Undang-undang ekstradisi yang sedia ada juga tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan seseorang penjenayah buruan diserahkan kepada negara ketiga oleh negara yang meminta penyerahannya, walaupun prosiding terhadapnya di negara itu telah selesai.

Fasal 10 Rang Undang-undang ini membuat peruntukan yang membolehkan seseorang penjenayah buruan didakwa atas sesuatu kesalahan yang lain dari kesalahan yang berkenaan dengannya dia diserahkan dan juga membenarkan seseorang penjenayah buruan diserahkan kepada sebuah negara ketiga yang meminta penyerahannya, sekiranya Menteri memberikan keizinan untuk tujuan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini apabila menentukan sama ada sesuatu waran sementara patut dikeluarkan bagi penangkapan seseorang penjenayah buruan, Majistret tidak diberi kebenaran secara nyata dalam undang-undang untuk mengambil kira maklumat yang terkandung dalam notis antarabangsa, dengan izin, rate individual notices, yang dikeluarkan oleh INTERPOL.

Fasal 13(2) Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan nyata yang membenarkan Majistret berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ekstradisi yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan seseorang penjenayah buruan

diserahkan tanpa prosiding komital kepada negara yang meminta penyerahannya, walaupun penjenayah tersebut bersetuju untuk diserahkan sedemikian.

Fasal 22 Rang Undang-undang Ekstradisi ini memperuntukkan bahawa seseorang penjenayah buruan boleh memaklumkan Mahkamah tentang persetujuannya untuk diserahkan kepada negara yang meminta penyerahannya dan dengan persetujuan ini, segala prosiding komital boleh diketepikan. Mahkamah, bagaimanapun, perlu memastikan bahawa persetujuan penjenayah buruan tersebut diberikan dengan sukarela dan selepas itu memberikan nasihat yang sewajarnya kepada penjenayah itu mengenai akibat persetujuannya itu. Seseorang penjenayah buruan yang diserahkan sedemikian masih dilindungi oleh Rukun Kekhususan seperti yang disebutkan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan penjenayah-penjenayah buruan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan di Malaysia diserahkan buat sementara kepada sesuatu negara yang meminta penyerahannya untuk di dakwa di negara itu. Dia hanya boleh serahkan selepas dia menjalani hukumannya dan ini mungkin memakan masa yang panjang. Peruntukan yang membenarkan penyerahan sedemikian difikirkan perlu untuk memastikan bahawa seseorang penjenayah buruan itu tidak terlepas dari dakwaan oleh sesebuah negara di mana kesalahan itu berlaku semata-mata kerana dia dipenjarakan di negara yang lain.

Di bawah Rang Undang-undang Ekstradisi ini, *Fasal 29 hingga 31* membuat peruntukan mengenai penyerahan sementara penjenayah-penjenayah buruan yang juga merupakan banduan untuk di dakwa di negara yang meminta penyerahannya. Prosiding

komital perlu diadakan sebelum penyerahan sementara itu dilakukan. Selepas pendakwaannya di negara yang meminta penyerahannya, dia hendaklah dihantar balik ke Malaysia untuk menjalani baki hukuman penjaranya. Dia akan hanya diserahkan semula kepada negara yang meminta penyerahannya jika negara itu masih menghendaki ekstradisinya selepas dia menjalani baki hukumannya di Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua, hak untuk habeas corpus terkandung di dalam Seksyen 365-Kanun Prosedur Jenayah, tetapi hak kajian semula untuk kes-kes ekstradisi tidak diperuntukkan di bawah Kanun Prosedur Jenayah ataupun undang-undang estradisi yang sedia ada.

Fasal 37 Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 memberikan hak kepada negara yang meminta penyerahan seseorang penjenayah buruan untuk membuat permohonan melalui pendakwaraya kepada Mahkamah Tinggi bagi mengkaji semula perintah sesuatu Mahkamah Sesyen supaya seseorang penjenayah buruan dilepaskan. Bagaimanapun, hak kajian semula ini hanya terhad kepada isu undang-undang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peruntukan baru yang sekarang ini tidak terdapat dalam undang-undang ekstradisi yang sedia ada ialah peruntukan yang dicadangkan dalam *Fasal 41*. Rang Undang-undang ini. Fasal ini membenarkan seseorang Pegawai undang-undang ataupun peguam **dari** sebuah negara asing menguruskan sesuatu kes ekstradisi atau membantu Pendakwa Raya di Mahkamah di dalam kes ekstradisi. Peruntukan ini dicadangkan kerana adalah difikirkan bahawa di dalam kes-kes yang kompleks, yang mungkin memakan masa yang panjang untuk diselesaikan, adalah lebih baik jika pegawai undang-undang atau peguam asing yang telah menguruskan kes itu dari mulanya dan lebih arif tentang kerumitannya, membuktikan kes itu di

Mahkamah. Walau bagaimanapun, pegawai atau peguam sedemikian hanya boleh berbuat demikian dengan kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya. Bagi maksud-maksud kes yang begini, *Fasal 41* ini memperuntukkan bahawa undang-undang berkenaan dengan perihal kemasukan pegawai dan peguam itu serta hak mereka untuk hadir di Mahkamah tidaklah terpakai bagi pegawai undang-undang atau peguam asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 49* mengandungi satu lagi peruntukan baru. Fasal itu memberi Menteri budi bicara untuk menolak permintaan bagi penyerahan seseorang penjenayah buruan jika penjenayah tersebut ialah seorang warganegara Malaysia atau kesalahan ekstradisi itu merupakan kesalahan yang ke atasnya Mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa. Fasal ini mencerminkan salah satu peruntukan mengenai ekstradisi di bawah convention untuk membanteras kegiatan pengedaran dadah narkotik dan bahan-bahan psikotropik. Jika seseorang penjenayah buruan tidak diekstradisikan berasaskan peruntukan dalam *Fasal 41* ini dan Mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa ke atas kesalahan itu, maka penjenayah itu wajib didakwa di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Mahkamah di Malaysia boleh dikehendaki mengambil keterangan untuk digunakan di dalam sesuatu ekstradisi di hadapan mana-mana Mahkamah atau Tribunal di sesuatu negara lain. Bagaimanapun, tiada peruntukan yang nyata yang membenarkan Mahkamah di Malaysia mengambil keterangan untuk kegunaan sesuatu prosiding di negara lain mengenai ekstradisi penjenayah buruan yang diminta oleh Malaysia.

Fasal 52 ialah peruntukan baru yang membolehkan keterangan diambil oleh Mahkamah di Malaysia untuk

diserahkan kepada negara yang diminta oleh Malaysia supaya menyerahkan seseorang penjenayah buruan supaya keterangan tersebut dapat digunakan dalam prosiding ekstradisi penjenayah itu.

Tuan Yang di-Pertua, ekstradisi di antara Malaysia dengan Brunei Darussalam dan Singapura terkandung dalam Bahagian V Rang Undang-undang Ekstradisi ini. Prosedur berkaitan dengan kes ekstradisi ke Brunei Darussalam dan Singapura adalah berlainan daripada prosedur biasa untuk kes ekstradisi ke negara-negara lain. Prosedur yang biasa memerlukan prosiding komital dan dalam prosiding itu Mahkamah perlu memastikan bahawa satu kes *prima facie* wujud sebelum Mahkamah boleh mengeluarkan perintah komital.

Dalam prosedur berkaitan dengan ekstradisi diantara Malaysia dengan Brunei Darussalam dan Singapura, penangkapan seseorang penjenayah buruan boleh dibuat di Malaysia selepas waran dikeluarkan oleh negara-negara tersebut diendors oleh Mahkamah di Malaysia. Penjenayah buruan yang berkenaan selepas ditangkap perlu dihadapkan ke Mahkamah dan perintah akan dikeluarkan bagi penyerahannya. Ini boleh dibuat selepas Mahkamah di Malaysia berpuas hati bahawa penjenayah buruan itu ialah orang yang dikehendaki menurut waran tangkap yang diendors. Prosiding commital tidak diperlukan. Pemntukan ini adalah serupa dengan yang terdapat dalam undang-undang di Republik Singapura dan telah berjalan sekian lama tanpa menghadapi sebarang kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, ingin saya nyatakan sekali lagi bahawa apabila Rang Undang Ekstradisi 1991 ini diluluskan kelak, negara ini akan mempunyai suatu undang-undang yang lebih lengkap dan kemaskini mengenai ekstradisi. Wujudnya undang-undang ini juga akan memastikan bahawa rujukan tidak lagi perlu dibuat kepada dua undang-undang yang

berlainan. Ini akan mempermudah proses ekstradisi penjenayah buruan dari Malaysia dan ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Larut.

4.32 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut); Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih setelah kita mendengar pembentangan Rang Undang-undang yang mana telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini, yang mana sebelum ini kita tidak mempunyai undang-undang yang lengkap mengenainya yang hanya sekadar bergantung kepada Extradition Ordinance 1958 dan Commonwealth Fugitive Act 1967.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kelak, Extradition Ordinance akan dimansuhkan. Pada masa yang lalu sehingga pada hari ini kita menggunakan Extradition Ordinance, 1958 dan undang-undang Commonwealth Fugitive Act, 1967. Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu kita menggunakan extradition ini melalui mana-mana triti yang ada yang mana mungkin kurang lengkap kerana kita tidak mempunyai akta yang lengkap sebagaimana yang

dikehendaki oleh Yang Berhormat Menteri itu, hanya kita menggunakan rujukan-rujukan, butiran-butiran melalui apa sahaja "precedent" yang berlaku di England, di Amerika dan di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampailah masanya untuk kita meluluskan undang-undang khusus atau spesifik ini mengenai ekstradisi kerana negara kita telah lama maju dan bertamadun dan terkenal di seluruh dunia melalui pimpinan Barisan Nasional yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat dan negara-negara lain telah lama mempunyai Extradition Act; bagi England, suka saya beritahu di sini, sejak tahun 1870 lagi iaitu British Act 1870, dengan izin, mengenai ekstradisi.

Undang-undang ini penting bagi tujuan yang ianya apabila diperkanankan dan diluluskan nanti demi untuk kepentingan negara kita dan negara-negara lain di mana saya akan terangkan satu-persatu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana undang-undang ini perlu kepada kerjasama dari negara-negara lain dan ianya pula ada syarat-syarat tertentu yang mana selain daripada yang telah dibentangkan oleh Menteri Kehakiman yang saya kasihi itu.

Tuan Yang di-Pertua, ianya mempunyai syarat-syarat yang membolehkan Undang-undang Ekstradisi ini memainkan peranan yang penting dalam masalah menghapuskan jenayah buruan (fugitive offenders) yang mana tidak politik (non-political offences in nature).

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lepas, oleh kerana adanya British Empire di mana semua negara-negara di bawah Komanwel tertakluk kepada undang-undang British termasuklah undang-undang Ekstradisi yang diperbincangkan

pada hari ini. Di mana ketika itu, semua negara-negara Komanwel menggunakan the Fugitive Offenders Act 1881.

Tuang Yang di-Pertua, Akta ini mengadakan peruntukan bagi penyerahan pesalah-pesalah buruan ataupun penjenayah-penjenayah buruan ataupun, dengan izin, fugitive offenders dalam mana-mana kesalahan dalam masa 12 bulan atau lebih. Tidak timbul pula masalah, dengan izin, double criminality. Jenayah itu hanya diketahui oleh kedua-dua negara yang memohon atau, dengan izin, the requesting state dan negara yang dituntut, the requested state. Tidak pula ada proviso-proviso di mana tindakan undang-undang tidak boleh dibicarakan selain daripada mereka yang mana telah menyerah diri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini adalah ditentukan dan diterima oleh semua negara-negara Komanwel dengan menggunakan the English law, iaitu the Fugitive Offenders Act 1881, dengan izin. Keadaan seperti ini tidak lagi sama oleh kerana kebanyakan negara-negara Komanwel telah diberikan kemerdekaan oleh Kerajaan British atau with the granting of independence, dengan izin. Mengikut Profesor Greig, ianya berkata, dan saya quote, dengan izin:

"For obvious reasons an Act governing the surrender of fugitives between different parts of the British empire in 1881 has little relevance to the relations between the separate states of the British Commonwealth today. An individual could not be surrendered to a foreign state for a political offence under the 1870 Extradition Act. But the fact that the offence was of apolitical nature was irrelevant if the request was from a Commonwealth state under the Fugitive Act. In the light of the wide divergence of political views and attitudes held by member states of the Commonwealth, the

1881 Act had become increasingly obsolete, with the granting of independence to a large number of new African and Asian states."

Petikan itu saya fikir tak payah diterjemahkan kerana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat pandai bahasa Inggeris. Jadi, undang-undang British itu tidak lagi terpakai oleh negara-negara Komanwel sebagaimana yang dikatakan oleh Profesor Greig tadi, maka dengan sebab itulah mungkin kita pada hah ini membentangkan suatu undang-undang yang khusus bagi negara Malaysia yang kita kasihi.

Begitulah kedudukan-kedudukan undang-undang ekstradisi di negara-negara sebagaimana yang saya sebutkan tadi di bawah Komanwel yang mana tertakluk keseluruhannya kepada the British Act 1870 dan the Fugitive Act 1881, dengan izin. Dengan yang demikian, keadaan berlainan sama sekali setelah Komanwel mencapai kemerdekaan termasuk negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kita memerlukan undang-undang ekstradisi sendiri supaya ianya boleh mengemaskinikan keadaan yang telah timbul atau yang akan timbul dengan lebih efektif, bila mana-mana ekstradisi diperlukan. Dengan yang demikian, negara kita, Tuan Yang di-Pertua, dan negara-negara lain di bawah Komanwel, tidak lagi tertakluk secara total kepada undang-undang British yang disebutkan tadi, kerana kita sendiri mempunyai kebebasan undang-undang, independence of the judiciary, kebebasan politik atau political independence dan kedaulatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini membolehkan kita memainkan peranan lebih penting dalam masalah ekstradisi yang bersangkutan-paut dengan penjenayah buruan dan mempercepatkan mana-mana fugitive ataupun

penjenayah buruan itu yang telah melakukan jenayah di negara-negara lain dan lari ke Malaysia supaya ianya tidak didakwa.

Rang Undang-undang Ekstradisi ini adalah sebahagian daripada undang-undang antarabangsa yang mana menjadi tanggungjawab kepada mana-mana negara yang menandatangani Extradition Treaty, dengan izin, bagi sama ada memanggil pulang ataupun mana-mana negara memohon supaya orang-orang yang bersalah itu dihantar mengikut undang-undang yang termaktub di dalam Extradition Treaty atas kesalahan-kesalahan yang mempunyai ciri-ciri yang sama, mengikut undang-undang kedua-dua negara ataupun negara yang ketiga yang sama-sama berkuatkuasa pada mana-mana masa yang Extradition Treaty itu berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memerlukan undang-undang ekstradisi bagi dapat memanggil warganegara yang bersalah, yang menyembunyikan diri sebagai fugitive atau buruan di negara-negara lain dan Malaysia juga akan memainkan peranan penting bagi menghantar warganegara-warganegara asing yang telah melakukan jenayah supaya ianya dipulangkan balik ke negara tersebut atau ke negara mana-mana kesalahan itu dilakukan selain daripada kesalahan yang bersifat politik.

Tuan Yang di-Pertua, di mana extradition treaty tidak ada maka mereka itu boleh dipulangkan melalui deportation order, dengan izin. Antara kesalahan-kesalahan yang mana, untuk pengetahuan kita, dilakukan oleh pesalah ataupun penjenayah fugitive dan bersangkutan-paut di antara negara-negara kedua ataupun yang ketiga dalam extradition, dengan izin, ialah antara jenayah sivil ataupun jenayah criminal. Untuk jenayah criminal sebagai pembunuhan iaitu, dengan izin, murder (homicide), mencuri (theft), pecah amanah (CBT), rogol (rape).

penculikan (kidnapping), penyeludupan (smuggling), pengedar dadah (drug trafficking), khianat kepada negara (treason) dan lain-lain jenayah yang mana boleh ditentukan di dalam mana-mana extradition treaty, dengan izin, yang akan dilakukan di antara negara kita dan negara-negara lain.

Kesalahan-kesalahan ini boleh diekstradisikan dengan menghantar orang yang salah ke negaranya ataupun memanggil pulang penjenayah-penjenayah itu di negara mana ianya melakukan kesalahan itu sebagaimana yang dipersetujui di antara negara-negara kedua. Bagi tujuan ini syarat-syarat bagi memenuhi extradition treaty, dengan izin, adalah seperti ianya mesti berpuas hati bahawa treaty di kedua-dua negara itu ada dan kesalahannya itu ialah mesti kesalahan jenayah, it must be the crime against the law of that state, dan kesalahan kepada negara itu yang mana juga kesalahan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, senarai yang disebut itu mungkin kita masukkan ke dalam Rang Undang-undang Ekstradisi ini apabila diluluskan nanti. Dan mengikut apa yang telah diperkatakan ataupun dikanunkan oleh undang-undang di England dan di Amerika, political offences, dengan izin, ataupun offences yang mana bukan political dan berkesudahannya jenayah ini ada banyak khilaf ulama-ulama ataupun jurist-jurist antarabangsa ataupun bukan antarabangsa berlainan pendapat. Walau bagaimanapun, kita menentukan yang mana tidak khilaf supaya kerja kita lebih efektif di dalam mengendalikan undang-undang ini untuk menentukan Extradition Act di Malaysia ini dapat menolong negara lain dan khasnya menolong negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna juga bahawa sekiranya sesuatu negara itu tidak ada extradition treaty, maka tidaklah ada apa-apa yang boleh dilaksanakan melainkan dengan deportation orders sebagaimana yang

saya katakan tadi. Keduanya, kesalahan-kesalahan itu hendaklah kesalahan-kesalahan yang sama di antara kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, terdapat juga kesalahan-kesalahan yang mana tidak masuk dalam extradition treaty ini tetapi kedua-dua negara itu hendaklah membuat perundingan sama ada, dengan izin, offences committed in the other country are similar offences, so that they can be extraditable, dengan izin, iaitu kesalahan di antara negara ini dan negara lain ataupun negara 'A' dengan negara 'B' itu akan ditentukan oleh kedua-dua negara sama ada hendak diekstraditikan ataupun tidak diekstraditikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada masa ini ada kemungkinan bahawa kita tidak ada sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi tadi, extradition treaty kita hanya sekadar menampung di sana sini menggunakan Extradition Ordinance. Jadi, masalah pesalah-pesalah yang lari keluar dari negara kita ataupun kesalahan dilakukan di negara lain yang mana kesalahan itu adalah kesalahan jenayah bagi kepentingan rakyat Malaysia, sukar dikesani dan pesalah-pesalah itu sama ada sivil ataupun jenayah adalah tidak kadangkala extraditable, dengan izin, tidak boleh diekstradisikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini terdapat bahawa banyak pesalah-pesalah jenayah dari England dan Amerika bersembunyi di Itali ataupun di negara-negara lain, di Santiago di mana kawan-kawan kita baru balik, di mana extradition treaty kadangkala tidak ada, inilah masalah yang timbul yang mana kita berkehendakkan Undang-undang Ekstradisi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana di mana kedapatan bahawa, sebagaimana yang disebutkan tadi, penjenayah-penjenayah 'white collar' especially in cases of criminal breach of trust, dengan izin, mereka ini tidak boleh diekstradisikan kerana mereka lari dari negara di mana kesalahan telah

dilakukan ke negara lain yang mana Malaysia tidak ada extradition treaty, kerana sudah pasti penjenayah-penjenayah umpamanya penjenayah bank, pengedar-pengedar dadah yang boleh dihukum mati, akan dinasihati oleh orang-orang yang tidak bertanggung-jawab untuk mereka lari ke negara-negara di mana the offences are not extraditable, dengan izin, kerana kita tidak mempunyai extradition treaty dengan negara-negara itu.

Tuan Haji Sukribin Haji Mohamed (Kok Lanas): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Larut, sebentar, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Mesyuarat ini berjalan tanpa cukup kuorum, kalau tidak silap saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Larut, sebentar ya.

(Ahli-ahli dikira, kurang 26 ahli hadir hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Setiausaha, bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 50 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 50, lebih, cukup kuorum. Teruskan Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saran terganggu bukan kesalahan saya.

Di Amerika ataupun di United States, penjenayah-penjenayah yang lari, the fugitive offenders, dengan izin, adalah

termasuk dalam kuasa Kerajaan Federal yang mana mahkamah-mahkamah state juga watau bagaimanapun boleh membicarakan kes tersebut untuk mengeluarkan waran di bawah Prosedur 18 USC, seksyen 3184 yang sama dengan British Act 1870.

Tuan Yang di-Pertua, bagi undang-undang Inggeris pula apa yang mustahak ialah bagi negara yang memohon (the requesting state) hendaklah prima facie mengemukakan kes pelarian (fugitive) sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman tadi yang mana kes prima facie ini tidak payah membuktikan sama ada penjenayah buruan (fugitive) itu sama ada ianya telah melakukan jenayah ataupun tidak. Ini ternyata dalam kes *The Collins v. Collins*.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah yang dilakukan oleh fugitive atau dituduh mestilah sama definisinya dalam Extradition Treaty kerana Professor Greig berkata, dengan izin, "the crime of which the fugitive is accused or has been convicted must be specified in the treaty with the requesting state". Tak payah terjemah, senang sahaja, very simple English, we do not have to go to England, dengan izin. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika walau bagaimanapun ianya menentukan hanya jenayah-jenayah berkesalahan yang melakukan kesalahan yang kesalahan itu dimeteraikan dalam tradisi boleh ditentukan oleh Federal Court ataupun Mahkamah Federal sahaja. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan bukan berteraskan politik ataupun not offences of political nature, dengan izin, yang ini panjang cerita saya, Tuan Yang di-Pertua, minta izin, apa yang dikatakan oleh Professor Greig lagi sekali, "the offence must be of none political character". Sekiranya kesalahan itu dalam hujah yang dituduh mengatakan ianya tidak boleh diekstradisikan ataupun not to be extradited, dengan izin, hakim boleh menentukan kesalahan itu

bila hakim dapati ianya tidak berkesalahan politik. Kesalahan itu boleh dikaji dan permohonan habeas corpus dibenarkan kepada penjenayah yang telah ditangkap tadi. Inipun huraian daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman yang saya kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, suka diberitahu bahawa tidak ada proviso-proviso tertentu, walau bagaimanapun di Amerika, ianya menggunakan seksyen 3186 yang mana Setiausaha Negara pula boleh diberi tugas untuk menentukan sama ada perbicaraan itu bersesuaian dengan kesalahan yang dituduh.

Tuan Yang di-Pertua, suka diberitahu bahawa tidak ada proviso-proviso khas untuk menentukan perbicaraan ke atas pesalah-pesalah yang diserahkan untuk dibicarakan di Amerika Syarikat. Ianya terletak dan ditentukan dengan triti yang relevan yang mana kita pun ada mempunyai Rang Undang-undang yang saya rasa amatlah kemaskini jika kita pergi satu persatu dan saya tidak dapat kupas dengan panjang lebar di dalam Parlimen ini kerana ucapan saya sendiri pun masih panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah memeteraikan Extradition Treaty, dengan izin, kedua undang-undang di negara-negara berkenaan hendaklah undang-undang yang berkuatkuasa dan kedua-dua negara atau mana-mana negara yang terlibat mempunyai kesalahan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini Professor Greig kata panjang, minta izin, "An International Law of Extradition. From the survey of English law and of the law of US, it is clear that the Extradition Law emphasis are primarily matters of municipal law and that Extradition Treaty alone a sources of international obligation". Mengikut Extradition Treaty, mana-mana negara yang menuntut (the requesting state) dan negara-negara yang dituntut (the

requested state) jika tidak memenuhi atau mematuhi permohonan itu, ianya (the requested state) akan melakukan pecah treaty atau, dengan izin, the breach of the treaty.

Bagi kita, Tuan Yang di-Pertua, kita biasa mendengar breach of contract ada remedy tetapi di dalam breach of Treaty of Extradition, dengan izin, tidaklah nyata pula apa remediesnya. Perkara ini sekiranya berlaku, ianya pula akan menjadi satu isu antarabangsa yang mana negara yang dituntut akan dihadapkan kepada sebuah tribunal yang boleh menentukan mengikut standard antarabangsa, kenapa ianya enggan mematuhi menghantar balik mengikut Extradition Treaty tadi. Mungkin inilah perkara yang perlu ditekankan kerana kebanyakan masalah undang-undang antarabangsa, walaupun akhirnya dibicarakan di Mahkamah Antarabangsa, iaitu the International Court of Justice The Hague, ianya tidak mempunyai kuasa pelaksanaan, dengan izin, the power of enforcement ataupun ianya, unenforceable. Tetapi Extradition Treaty, bila seseorang pesalah itu dihantar ke negara asalnya atau ke negara di mana ianya melakukan jenayah, ianya dibicarakan dan dihukum mengikut kesalahan-kesalahan dan kanun keseksaan yang ianya dikenakan setelah dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua, adakalanya pesalah-pesalah dibicarakan tidak mengikut apa-apa yang ianya lakukan. Ini menjadi masalah dan tandatanya. Bagi negara kita, hendaknya Extradition Treaty ini, dengan izin, diperluaskan ke banyak negara-negara lain kerana kita sukar hendak mengembalikan pesalah buruan ataupun fugitive offender itu sekiranya tidak ada Extradition Treaty ataupun Treaty Ekstradisi. Ini terbukti bahawa Malaysia pada baru-baru ini menghadapi masalah yang tertentu yang mana kita tidak ada Extradition Treaty dengan Perancis, kita tidak dapat bawa balik seorang pesalah yang bersembunyi di negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah perkara yang dikatakan ini banyak telah diperkatakan oleh Undang-undang Britain dan Amerika. Walau bagaimanapun, kita pada hari ini mempunyai undang-undang setanding dengan undang-undang mereka dan kiu berharap kita dapat menentukan yang Rang Undang-undang ini begitu khusus untuk ekstradisi dan diluluskan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyatakan di sini, apakah pula profesor Greig berkata, yang ini panjang. Saya quote:

"Political crimes are acts which, although they are in themselves common crimes, acquire a predominantly political character by reason of the circumstance under which they were committed, in particular by reason of their motives and their aims. Such crimes so called relative political crimes presuppose that the Act inspired by political patience was committed in the framework of a fight to gain power or in order to break away from a power suppressing all opposition and that the act is in direct and close relation to the political aims envisioned."

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, kita juga memerlukan tribunal antarabangsa untuk menentukan sama ada negara-negara berkenaan menerima keputusan-keputusan yang telah ditentukan sekiranya ada perbalahan di antara negara yang memohon di mana triti tidak menentukan kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman yang berlainan, umpamanya di negara kita penderang dadah dihukum gantung sampai mati dan di Jepun hanya dirotan enam kali dan masuk jel kalau tak salah tiga bulan. Jadi ini tidak sama, jadi tribunal akan menentukan kesalahan-kesalahan yang mana ditentukan oleh tribunal. Tuan Yang di-Pertua, antara

konvensyen-konvensyen antarabangsa yang juga disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya suka menambah di sini adalah juga termasuk di dalam undang-undang antarabangsa yang mana mengenai rampasan kapal terbang umpamanya, Unlawful seizure of Aircraft, The Hague Convention 1970, dengan izin, the Unlawful Act Against the Safety of Civil Aviations, the Montreal Convention 1970 dan Prevention and Punishment of Crimes Against Internationally Protected Persons, termasuk diplomatic agents oleh United Nations General Assembly 3166/28/1973, ada kaitan dengan apa yang dihuraikan juga oleh Yang Berhormat Menteri yang saya kasih itu.

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Macam itulah Barisan Nasional, hormat kawan jadi Menteri, bukan senang hendak jadi Menteri. *(Ketawa)*

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 46 ganggu, DAP sudah give up, *(Ketawa)* tetapi walau bagaimanapun, yang ini boleh tahan. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, dalam semua konvensyen-konvensyen ini, ketetapan telah diambil bahawa penjenayah boleh diekstradisikan atau diserahkan kepada tribunal untuk didakwa atau dihantar balik ke mana-mana negara di mana mereka melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Article 7, United Nations Convention ada menentukan bahawa negara-negara yang enggan menerima ekstradisi atau atas sebab-sebab kesalahan yang ada berkaitan dengan politik yang mana kesudahannya berkesalahan jenayah, kes yang nyata adalah kes Raucher. Tak payah cerita, ya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal menentukan kesalahan yang timbul yang boleh diekstradisikan, eloklah Menteri berkenaan menentukan kesalahan-kesalahan yang sama di antara Malaysia dan negara-negara yang mana kita ada triti ekstradisi.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri berkenaan hendaklah juga mempunyai kuasa yang efektif menentukan sama ada pesalah itu dikembalikan ataupun dihukum di negara lain ataupun negara yang ketiga. Ini bermakna negara-negara yang belum ada extradition treaty, dengan izin, hendaklah setelah undang-undang ini lulus menandatangani dengan Malaysia sama ada atas inisiatif kita ataupun inisiatif mereka. Memandangkan keadaan-keadaan pembangunan pesat dan penyelewengan-penyelewengan yang ketara yang menjadi-jadi, ada pesalah-pesalah melarikan diri dan sukar hendak dikesan ataupun ditangkap walaupun dengan pertolongan Interpol, apatah lagi sekiranya tangkapan itu dibuat di luar kuasa kita ataupun outside of our jurisdiction, dengan izin.

Malaysia hendaklah juga memohon negara-negara yang mana triti ekstradisi dibuat untuk mengenakan hukuman dan kesalahan-kesalahan umpamanya kesalahan-kesalahan pengedar dadah yang disebutkan tadi yang mana antara lain Australia dan Amerika Syarikat tidak bersetuju dengan hukum gantung, bolehlah kita minta mereka juga 'gantung' jika hendak gantung di sana ataupun dihantar balik 'gantung' di sini. Walaupun negara Perancis telah menerima hukuman gantung setelah ataupun sebelum kalau saya tak salah, Convention on Drug Abuses yang diadakan di Vienna yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi juga.

Tuan Yang di-Pertua, extradition treaty ini juga hendaklah diperluaskan penggunaannya bukan hanya tertentu

ataupun tertera dalam konsepnya sahaja, bahkan dipergiatkan bagi guna menghapuskan penjenayah buruan yang menyembunyi diri di negara-negara lain atau di dalam Malaysia dan kita pula, janganlah membenarkan Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ataupun Kedutaan-kedutaan asing di dalam negeri ini menyembunyikan pesalah-pesalah penjenayah ini kononnya mereka mencari political asylum yang sebenarnya mereka bukan pesalah politik tetapi pesalah jenayah yang datang ke negara kita untuk menyembunyikan diri.

Begitulah juga Kedutaan yang ada di negara kita, kedutaan-kedutaan itu janganlah diguna sewenang-wenangnya sebagai tempat political asylum pada hat mereka yang sebenarnya penjenayah-penjenayah antarabangsa yang memerlukan ekstradisi untuk dikembalikan ke mana-mana negara yang mereka melakukan jenayah. Saya tidak mengupas satu persatu Rang Undang-undang dan ini adalah secara mukadimah Undang-undang Antara-bangsa yang mana menyentuh ekstradisi adalah salah satu daripada cabang di mana negara-negara antarabangsa adalah mempunyai obligasi-obligasi tertentu untuk bekerjasama dalam menolong menghapuskan penjenayah-penjenayah buruan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengan menyokong Rang Undang-undang Ekstradisi 1991. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ko Lanas. Lanas.

5.09 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk bercakap mengenai latar belakang dan dasar kepada Undang-undang Ekstradisi

1991 ini kerana sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi. Cuma, saya hendak membangkitkan dari segi implimentasi-implimentasi kepada beberapa seksyen-seksyen yang terdapat di dalam Akta yang dibentangkan di Dewan ini.

Yang pertamanya ialah berhubung dengan peruntukan di bawah Seksyen 8. Seksyen 8 ialah suatu Seksyen yang memberi pengecualian tentang kesalahan-kesalahan yang dikecualikan iaitu kesalahan-kesalahan yang berlaku yang tidak boleh suatu perintah ekstradisi dibawa. Dengan kata lain, Seksyen 8 ini memberi kecuialian kepada beberapa kesalahan yang mana perintah ekstradisi tidak boleh dibuat dan tidak boleh dibenarkan di dalam beberapa keadaan.

Selain daripada Seksyen 8, Seksyen 5 juga menghadkan beberapa kesalahan yang tidak boleh diekstradisi.

Seksyen 5 Tafsiran, Tuan Yang di-Pertua, "kesalahan boleh diekstradisi", ertinya satu kesalahan yang diperihalkan di bawah Seksyen 32. Dengan kata lain, jika Seksyen 8 ini dibaca bersama dengan Seksyen 5, yang tafsirannya ialah di bawah Seksyen 32, kita dapat membuat kesimpulan bahawa tidak semua kesalahan-kesalahan boleh dibuat perintah ekstradisi.

Persoalan yang saya hendak bangkitkan ialah pertama, di bawah Seksyen 8, salah satu pengecualiannya ialah kesalahan yang bersifat politik.

Setelah saya membaca semua Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, tidak terdapat suatu makna yang jelas apakah yang dimaksudkan dengan kesalahan yang bersifat politik. Ini akan menimbulkan suatu suasana kekeliruan, barangkali apabila undang-undang ini dilaksanakan nanti, kerana seperti mana dalam amalan kita dan pengalaman undang-undang di negara kita, kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksan, banyak kesalahan-kesalahan yang bersifat politik.

Kesalahan-kesalahan yang ditakrifkan di bawah Penal Code, Kanun Keseksan kita dan barangkali di negara-negara lain yang ditakrifkan selaku perbuatan jenayah, tetapi dari segi naturenya, dari segi bentuk perbuatan itu, barangkali bersifat suatu perbuatan politik. Jadi, tanpa suatu tafsiran yang lengkap mengenai apa makna kesalahan yang bersifat politik, barangkali memerlukan suatu pentafsiran yang jelas dan membuka suatu ruang kepada suatu kritik ataupun tafsiran yang luas selepas daripada tafsiran undang-undang ini.

Yang keduanya, tidak semua kesalahan-kesalahan boleh diekstradisi kerana ianya dihad di bawah Seksyen 5. Seksyen 5 tafsiran di para 3 yang menyebutkan "kesalahan boleh diekstradisi" ertinya sesuatu kesalahan yang diperihalkan dalam Seksyen 32 Akta ini. Seksyen 32 Rang Undang-undang ini menyebut bahawa:

"32. Dalam Bahagian ini, kesalahan boleh diekstradisi ialah kesalahan yang tidak kira bagaimana jua diperihalkan, termasuklah kesalahan-kesalahan fiskal, boleh dihukum di bawah undang-undang Malaysia dengan hukuman pemenjaraan yang tidak kurang daripada satu tahun atau hukuman mati."

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah rasionalnya, hanya kesalahan-kesalahan yang hanya membawa hukuman yang tidak kurang daripada satu tahun penjara atau hukuman mati, ini dikecualikan daripada kesalahan yang ditakrifkan di bawah kesalahan kepada Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan Seksyen 37, iaitu kuasa Mahkamah Tinggi untuk membuat dan mendengar suatu permohonan habeas corpus di bawah Seksyen 36. Seksyen 37 ialah suatu ulangkajian yang dibuat oleh

Mahkamah Tinggi berhubung dengan suatu perintah yang telah dibuat oleh Mahkamah Sesyen terhadap suatu permohonan.

Persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah, apakah Seksyen 37 ini overlapping ataupun apakah kcsannya Seksyen 37 ini dengan peruntukan di bawah Seksyen 323 Kanun Acara Jenayah.

Seksyen 323 Kanun Acara Jenayah ialah suatu seksyen yang memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat ulangkajian jenayah terhadap semua perintah-perintah yang dibuat oleh Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen. Dengan adanya peruntukan di bawah seksyen 37 ini, bagaimanakah kesan pemakaian ulangkajian di bawah Seksyen 323 Kanun Acara Jenayah? Saya minta penjelasan dari pada Yang Berhormat Menteri.

Kesalahan-kesalahan ekstradisi ini nampaknya di bawah undang-undang ini diperuntuk dan diberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen untuk mendengarnya. Apakah rasionalnya maka bidang kuasa permohonan ini diberikan kepada Mahkamah Sesyen, tetapi tidak kepada Mahkamah Tinggi kerana permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah Sesyen? Dan dengan bertambahnya bidang kuasa mahkamah-mahkamah, khususnya Mahkamah Sesyen di negara ini, yang telah diberi kuasa untuk membicarakan kes, kecuali kes yang boleh dibawa hukuman mati, ini akan menambahkan lagi beban bidang kuasa jenayah Mahkamah Sesyen.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang hendak saya bangkitkan ialah berhubung dengan peruntukan khas pemakaian undang-undang ini berhubung dengan negara Brunei Darussalam dan negara Republik

Singapura. Undang-undang ini juga telah menyebut bahawa kesalahan yang boleh diekstradisi bagi kedua-dua negara ini ialah suatu kesalahan yang ditakrifkan di bawah Seksyen 25, iaitu:

"kesalahan yang boleh ditangkap atau kesalahan boleh dihukum apabila disabitkan dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang melebihi 6 bulan di bawah undang-undang Brunei Darussalam atau Republik Singapura."

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapa tidak semua kesalahan-kesalahan jenayah, kesalahan-kesalahan yang bentuknya jenayah, bukan sahaja yang boleh membawa hukuman tidak kurang daripada 6 bulan, tetapi semua kesalahan-kesalahan jenayah yang ditakrifkan di bawah undang-undang negara kita, yang ditakrifkan di bawah undang-undang negara berkenaan, dijadikan suatu kesalahan yang boleh diekstradisi? Persoalan yang timbul, kalau kesalahan itu tidak termasuk kepada kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan di bawah Seksyen 5, dan kesalahan di bawah Seksyen 25 bermakna perintah yang perlu dibuat ialah melalui Deportation Order ataupun perintah penghantaran balik, yang ini kebanyakannya menghadapi masalah besar terutamanya di negara-negara yang berjiran seperti negara Malaysia, Negara Brunei Darussalam dan negara-negara yang berjiran dengan negara kita. Itulah saya minta penjelasan mengenai beberapa perkara daripada Yang Berhormat Menteri.

Selain daripada itu saya mengalu-alukan undang-undang ini kerana ianya akan memansuhkan Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah-penjenayah Buruan Komanwel 1967, dalam suatu kanun atau suatu undang-undang yang lengkap dan tidaklah perlu bagi kita merujuk kepada beberapa undang-

undang selepas daripada ini, kerana kedua-dua undang-undang ini akan dimansuhkan dengan lulusnya Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nilam Puri.

5.18ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut membahaskan Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman yang saya kasihi. (*Ketawa*) saya cemburulah, Larut sahaja kasih.

Tadi dua orang peguam telah bercakap, maka yang bercakap kali ini adalah bukan peguam, sudah tentulah saya akan menyentuh perkara-perkara yang sesuai dengan kefahaman saya tentang undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh Bahagian III-Pemulangan Jenayah Buruan. Fasal 8 (*a*) misalnya tidak boleh dipulangkan jikalau ia bersifat politik, kemudian (*b*) seseorang pelarian itu ataupun buruan itu tidak dipulangkan kalau perjuangan seseorang itu berdasarkan rasnya, agamanya, kerakyatannya, fahaman politikinya. Kemudian dijelaskan lagi:

- (c) jika dia mungkin termudarat dalam perbicaraannya atau dihukum atau dipenjarakan oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politikinya.

Maka mereka ini tidak boleh dipulangkan dan dijelaskan lagi dalam:

- (e) melainkan jika peruntukan dibuat oleh undang-undang negara itu, atau dalam perkiraan ekstradisi dengan negara itu

Tuan Yang di-Pertua, memang tafsiran dalam perkara (*a*) seperti yang diminta oleh saudara saya Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi, satu perkara yang begitu sukar hendak kita tentukan sesuatu buruan itu bersifat politik. Misalnya, kalau kita ambil perjuangan Khmer Rouge ianya dianggap buruan politik, tetapi bagi negeri Vietnam ia dianggap sebagai penjenayah. Begitu juga misalnya PLO. PLO kita boleh anggap di sini sebagai pejuang politik, tetapi bagi Amerika ia menganggap PLO sebagai penjenayah. Begitu juga IRA, pejuang-pejuang kemerdekaan di Ireland. Mereka dianggap di Libya sebagai pejuang, tetapi di Britain ia dianggap penjenayah, Begitu juga Hisbullah Lubnan, ia dianggap sebagai pejuang bila berada di Iran, tetapi ia dianggap penjenayah oleh Syria. Begitulah tafsiran dalam perjuangan bersifat politik ini amat sukar diambil ataupun ditanggap oleh mana-mana Kerajaan.

Begitu juga di negara kita sekarang ini, kita melihat mereka yang memperjuangkan agama mereka, terutama sekali di negara-negara minoriti yang datang ke negara kita setelah ditekan di sana, datang untuk mencari perlindungan di sini. Kita lihat sekarang ini mereka dihantar balik. Apakah mereka ini yang berjuang kerana agama mereka sekarang telah dianggap sebagai buruan penjenayah dan dihantar balik oleh Kerajaan kita.

Komen-komen dibuat sekarang ini terutama sekali oleh bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak. Beliau sendiri hairan dengan sikap Kerajaan Malaysia sekarang ini di mana pejuang-pejuang minoriti Islam di lain-lain negara yang bersempadan dengan Malaysia yang datang meminta perlindungan di sini, sekarang ini dihantar balik ke negara tersebut untuk perjuangan itu penjenayah di negara mereka.

Komen ini juga datang bertalu-talu, surat daripada badan-badan Islam kepada kami dan juga sudah tentu ada kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mempertikaikan silat ataupun sikap Kerajaan Malaysia sekarang sebelum akta ini ada mengenai akta yang dahulu, tetapi sifat mereka memberi perlindungan kepada pejuang Islam minoriti itu telahpun berbeza. Misalnya, baru-baru ini pejuang Mesjid Kringsik di Selatan Thailand yang memperjuangkan mesjid itu hendaklah dikembalikan kepada umat Islam. Beliau memperjuangkan perjuangan itu melalui demonstrasi dan sebagainya, bukan dengan mengangkat senjata. Beliau datang setelah hendak ditangkap oleh pihak Thai, lalu ia datang berlindung di Malaysia dan sekarang ia telah ditangkap oleh pihak Malaysia dan telah diserahkan balik kepada Kerajaan Thai.

Bantahan-bantahan dibuat oleh badan-badan Islam terutama sekali di seluruh dunia terhadap sikap itu. Dan kami di negeri Kelantan-ada orang di negeri lain yang tidak faham tentang politik Malaysia menghantar bantahan ke negeri Kelantan. Mereka mengatakan Mohamad Din ditangkap di negeri Kelantan dan Kerajaan Kelantan bekerjasama dalam menghantar balik pejuang daripada Selatan Thailand itu. Jadi, kita lihat begitu jelas perjuangan Mohamad Din kerana agamanya, tetapi sekarang ini kita lihat walaupun berjuang kerana agamanya, Kerajaan Malaysia menghantar balik orang-orang seperti ini.

Komen-komen termasuk veteran-veteran UMNO sekarang ini mereka amat tidak puas hati atas dasar yang diambil oleh Kerajaan kita sekarang dalam kes apa yang dipanggil ekstradisi ini. Dahulunya kita lihat apabila Allahyarham Tun Abdul Razak memberi perlindungan kepada Azahari daripada Brunei, pejuang-pejuang pa-ti rakyat Brunei, bukan tidak ada tekanan daripada England dan sebagainya, tetapi Kerajaan Malaysia berdiri sebagai

negeri yang berdaulat. Ia berhak melindungi sesiapa yang difikirkan perlu untuk mereka membela orang-orang yang dianggap memperjuangkan kepercayaan politik mereka.

Begitu juga pejuang-pejuang Islam yang memperjuangkan agama mereka mengikut tafsiran seksyen 8(b,) ini. Di Aceh sekarang ini yang terpaksa melarikan diri ke Malaysia dan mereka ini juga sekarang sedang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia untuk dihantar balik ke Aceh, dan ia mendapat bantahan daripada Chairman of the Parliamentary Human Right Group, House of Lord, October 10 yang disiarkan dalam akhbar, dan bantahan ini juga dikemukakan dalam sidang di Harare baru-baru ini terhadap usaha Kerajaan Malaysia untuk menghantar balik 200 orang yang dipanggil pejuang-pejuang politik daripada Aceh yang datang untuk meminta perlindungan di Malaysia ini.

Jadi, undang-undang yang lama, sedangkan undang-undang ini belum diluluskan lagi, jika diluluskan undang-undang ini kita melihat Seksyen (e) itu melainkan jika peruntukan dibuat oleh undang-undang negara itu atau dalam perkiraan ekstradisi dengan negara itu. Ini sudah tentulah undang-undang ini lebih ketat dan pejuang-pejuang Islam minoriti dalam satu negeri mereka telah nampak bahawa Malaysia ini satu negara yang tidak selamat lagi, sedangkan Kerajaan Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu tidak melaungkan penerapan nilai-nilai Islam, membela Islam, tetapi di atas semangat keberanian dan kedaulatan Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak di zamannya, berani mempertahankan kedaulatan Malaysia. Kebelakangan ini walaupun penerapan nilai-nilai Islam dilaungkan tetapi pejuang-pejuang Islam minoriti di negara lain yang datang berlindung di negara ini dihantar balik, dan mereka akan dihukum sebagai penjenayah di negara yang mereka memperjuangkan. Sekian pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

5.20 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Ekstradisi 1991, dan tidak bercadang untuk menumpukan perkara-perkara teknikal bersabit dengan undang-undang ini. Tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai dengan beberapa pentakrifan bersabit dengan persoalan buruan politik.

Saya bersetuju pada sekali imbas mengenai dengan pandangan Yang Berhormat dari Nilam Puri. Tetapi pada saya, Tuan Yang di-Pertua, apapun yang kita lakukan termasuk dari segi pengertian undang-undang, ianya mestilah dalam lingkungan kepentingan negara kita.

Mengenai dengan perkataan buruan politik kepada setengah-setengah pihak, bagi kila di sini politik bagi setengah-setengah itu penjenayah ataupun sebaliknya. Dengan memberi hujah-hujah bersabit dengan satu dua peristiwa yang berlaku, di mana Kerajaan Malaysia kononnya bekerjasama menghantar pulang mereka yang dipohon ekstradisi daripada negara berkenaan. Kita harus ingat, Malaysia bukanlah sebuah negara yang besar. Malaysia adalah sebuah negara yang kecil. Dan kalau kita lihat dari segi geografinya, sebagai sebuah negara yang kecil kita berjiran dengan beberapa negara yang mempunyai masalah dalam negara masing-masing.

Kalau hendak disebut persoalan masalah di Selatan Thailand, saya juga memahami masalah Selatan Thailand. Pernah di waktu menjadi pelajar dahulu, Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan pelajar pada waktu itu pernah bangkit menyokong perjuangan apa yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Thailand. Malah saya sendiri mengakui pernah ke Setatan Thailand di waktu

beberapa peristiwa berlaku pada tahun 70an dahulu. Tetapi kita harus ingat, kepentingan negara kita lebih penting daripada kepentingan orang lain. Jangan sebab nila setilik, rosak susu sebelanga, kita hendak memberi pembelaan kepada satu dua orang. Cuba kita bayangkan kalau dalam negara kita ada golongan-golongan seumpama ini, mendapat perlindungan daripada negara-negara jiran kita yang sukar untuk kita membawa penjenayah ini, apa akan jadi kepada negara kita? Negara kita juga mempunyai banyak masalah. Negara kita tidak harus dijadikan satu tempat transit bagi setengah-setengah golongan dalam mana-mana negara ataupun mana-mana dunia untuk dijadikan tapak bagi sesuatu tujuan menentang negara mereka. Kita menghormati perjuangan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun kita menghormati perjuangan mereka ini. Kalau hendak dikatakan Malaysia tidak pernah memberi sokongan kepada setengah-setengah pejuang, kalau disebut sebagaimana tohmahan sebelum ini, saya rasa tidak adtl, sebab Malaysialah yang pertama mengiktiraf PLO. Negara Arab tidak pernah mengiktiraf PLO sebagai sebuah Kerajaan buangan yang bertaraf duta di negara dalam dunia ini, kecuali Malaysia, di zaman pemerintahan ataupun di zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang.

Begitu juga Malaysia yang pertama memberi peluang membuka pejabat kepada Mujahideen Afghanistan. Begitu juga dengan pejuang-pejuang yang lain, samalah juga pernah diberi perlindungan di zaman Allahyarham Tun Razak dahulu. Begitu juga pelarian dari Brunei. Tetapi sesudah Brunei merdeka, sesudah Brunei menjadi sahabat dan kita lihat tidak ada apa 'lagi yang perlu dibangkitkan mengenai dengan Brunei, maka Kerajaan terpaksa mengubah dasar dan dasar ini bukan statik, ia mesti bergerak mengikut keadaan tuntutan semasa dan zaman.

Sebab itu dari segi soal Undang-undang Ekstradisi ini kita tidak boleh melihat dalam satu perspektif sahaja. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, apapun perspektif yang kita hendak lihat, kepentingan negara kita yang paling utama. Kita bersimpati dengan pejuang-pejuang Islam di selatan Filipina, di selatan Thailand. Banyak masalah-masalah kita lihat di negara-negara ini tetapi apakah mungkin untuk kita membenarkan negara kita menjadi tempat, kubu ataupun tapak perjuangan mereka yang boleh merosakkan negara kita sendiri. Betul kita hendak beri perlindungan kepada mereka ini. Saya percaya Kerajaan dan pemimpin negara kita boleh memberi pertolongan dengan cara yang lain. Tetapi mengizinkan setengah-setengah penjenayah bermastautin di negara kita, bergerak di negara kita yang dihilangkan oleh undang-undang, pada saya, Tuan Yang di-Pertua, takrif saya seolah-olah kita mencampuri urusan rumah tangga orang lain.

Dari segi perhubungan antarabangsa, dari segi penghormatan kita menghormati negara-negara lain, kita tidak perlu campur tangan sebab kita juga perlu sokongan dan kerjasama yang sama. Bagaimana kalau ada setengah-setengah golongan daripada negara kita ini berhijrah ke negara lain, lah ke negara lain apabila membuat kacau ataupun melakukan jenayah dalam negara kita ini, mereka pergi ke Thailand maka Thailand mengatakan memberi perlindungan politik. Bukankah itu menyusahkan kita. Sebab itu saya mengatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya ialah kepentingan negara kita mesti didahulukan.

Jadi, Undang-undang Ekstradisi yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini saya kira memang sepatutnya sudah lama undang-undang ini dikemukakan. Tetapi baru hari ini dan ianya untuk dikemaskinikan dengan tambahan beberapa Fasal baru untuk dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Saya memberi sokongan penuh

terhadap Rang Undang-undang ini dan juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini, setakat ini adakah terdapat dalam negara kita ataupun berapakah jumlah, adakah penjenayah-penjenayah dalam negara kita sekarang ini dalam apa juga bentuk yang dipohon ekstradisi oleh negara-negara lain? Begitu juga, berapakah jumlah penjenayah buruan yang sekarang ini dipohon oleh negara kita?

Sebab dalam Rang Undang-undang ini, saya ingin mendapat penjelasan, selain daripada penjenayah buruan sama ada dalam bentuk narkotik ataupun lain-lain seumpamanya iaitu mengenai penjenayah perdagangan, kita masih ingat sehingga hari ini usaha Kerajaan untuk membawa balik seorang penjenayah yang dikira penjenayah untuk dibicarakan mengenai isu CCB. Saya lupa namanya, kalau tidak silap saya, Nadarajah ataupun Punarajah; lebih kurang begitulah, yang sekarang ini berada di Australia. Kes ini sudah berlarutan sehingga sekarang dan Kerajaan kita belum dapat membawa balik orang yang patut dibicarakan ini. Begitu juga kes mengenai dengan Lorrain Osman yang melibatkan diri dalam isu BMF.

Saya harap Undang-undang Ekstradisi ini meliputi semua aspek termasuklah penjenayah perdagangan dan kita berharap Kerajaan jangan bertolak ansur walaupun seinci mengenai dengan penjenayah-penjenayah yang melakukan kesalahan dalam negara kita ini, selepas itu mendapat perlindungan daripada negara-negara lain. Dan negara-negara yang memberi perlindungan kepada penjenayah ini ialah negara-negara yang bercakap soal keadilan, yang bercakap soal hak asasi, yang banyak juga kita dengar selama ini memburukkan nama baik Kerajaan Malaysia. Australia memberi perlindungan kepada penjenayah yang sedang dicari oleh Kerajaan Malaysia ini. Begitu juga negara barat memberi perlindungan kepada mereka ini yang kononnya

menjadi champion kepada keadilan undang-undang tetapi mereka ini secara tidak langsung juga seolah-olah menyembunyikan tangan di belakang dengan bekerjasama bagi melindungi mereka ini.

Sebab itu kita berharap melalui konvensyen yang dimaksudkan ini, mereka ini mesti dibawa balik dan mesti diadili. Jadi, bertepatanlah Rang Undang-undang ini dibentangkan bagi membolehkan Kerajaan bertindak dengan lebih tegas lagi, Kerajaan bertindak dengan lebih jitu dalam erti kata bagi mempertahankan kedaulatan negara kita. Kerana sekarang ini keadaan semakin kompleks. Suasana dalam segala bentuk semakin canggih. Mereka yang melakukan kesalahan mudah lari daripada undang-undang, paling kurang lari ke luar negeri. Kita dapat tahu, sebagai contoh, apabila berlaku kes pembunuhan, berlaku kes kecurian, bila masuk ke Kelantan, lari ke Golok; selesai-tidak boleh hendak dikesan lagi.

Jadi sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dari segi teknikal walaupun saya sudah pun membaca dengan teliti semua Fasal yang ada dalam Rang Undang-undang ini tetapi ianya mestilah meliputi semua aspek bagi membolehkan kita membawa semua penjenayah-penjenayah lari daripada keadilan undang-undang negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Menteri Kehakiman yang telah membawa Rang Undang-undang ini dan kita percaya menjadi kelaziman bagi pihak Pembangkang di mana ada sahaja vacuum, di mana sahaja ada kekosongan sedikit sebanyak untuk dijadikan isu politik atau mengambil peluang sebarang Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk menimbulkan perkara-perkara yang bukan sahaja menghabiskan masa Dewan tetapi tidak berkaitan dengan apa yang dibincangkan.

Jadi atas dasar itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

5.37ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menimbulkan ada beberapa perkara sahaja dalam bentuk soalan agar pihak Yang Berhormat Menteri Kehakiman dapat menjelaskan.

Yang pertama, kalau kita lihat daripada Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 mulai daripada Bahagian 1 sampailah kepada Bahagian X, daripada Fasal 1 sampailah kepada Fasal 54 di mana Rang Undang-undang ini dianggap sebagai satu Rang Undang-undang yang agak lengkap ataupun lebih lengkap daripada peraturan-peraturan mengenai ekstradisi yang telah sedia ada selama ini.

Saya melihat bahawa di dalam Rang Undang-undang ini tidak ada satu Bahagian atau Fasal pun yang membicarakan tentang persaksian atau mengenai saksi. Saya rasa mengenai persaksian ini, kalau kita lihat pada peraturan-peraturan yang telah lalu, saya kira kemungkinan ada kelemahannya dan kemungkinan ada ketidak-lengkapannya. Dalam masalah ini, untuk meringkaskan ucapan saya saya mintalah pihak Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan.

Yang kedua, peraturan ini atau Rang Undang-undang ini dianggapkan satu Rang Undang-undang yang lengkap, lebih lengkap daripada Rang Undang-undang yang lalu. Saya yakin dan saya percaya telahpun ada dalam negara kita ini mereka yang melibatkan peraturan ini yang telah melakukan kesalahan dan sebahagiannya telahpun dibuat keputusan oleh Yang Berhormat Menteri ataupun oleh pihak pengadilan dalam

negara kita ini adakah mereka bersalah ataupun tidak. Mereka dikatakan melakukan kesalahan itu berdasarkan dengan Akta-akta yang telah lalu. Sekarang ini bagaimana sekiranya mereka telah dihukum atau telah ditentukan melakukan kesalahan berdasarkan Undang-undang Ekstradisi yang telah lalu atau seumpama dengannya. Kalau kita kenakan undang-undang ini kepada mereka sekarang ini seolah-olah mereka itu tidak bersalah.

Apakah pihak Kementerian berdasarkan kepada peruntukan yang telah ada ini tidak boleh memberi kelonggaran kepada mereka supaya mereka terlepas daripada hukuman atau diadili dalam negara kita atau mereka dihantar ke negara asal mereka.

Persoalan yang ketiga yang saya ingin timbulkan, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan rakan saya dari Kok Lanas yang meminta supaya kita mendefinisikan undang-undang ekstradisi ini dengan lebih jelas bagi kita supaya difahami oleh kita dan lebih mudah bagi kita untuk memahaminya. Itu masalah, iaitu kita mesti membezakan di antara apa yang dinamakan penjenayah politik, apakah yang dinamakan buruan politik ataupun apakah yang dinamakan penjenayah buruan. Di sini tidak jelas. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian untuk mendefinisikan kedua-dua jenis penjenayah ini. Dengan Fasal-fasal yang ada juga dan kuasa yang telah diberi kepada Menteri, saya rasa tidak mencukupi untuk kita benar-benar dapat menentukan apakah kesalahan yang mereka Ukukan itu, sama ada penjenayah politik atau penjenayah buruan.

Dan juga dalam Fasal ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak disebut tentang penjenayah agama. Saya merasakan dalam undang-undang ekstradisi sedikit pun tidak melibatkan dengan soalan agama. Walaupun kesalahan-kesalahan

agama itu sering berlaku, sama ada dalam negara kita ataupun di luar negara kita ataupun yang melibatkan di antara dua negara ataupun lebih daripada dua negara. Biasanya, mereka yang melakukan kesalahan agama selama ini seperti soal anak angkat atau mereka yang bertukar agama. Dia diekstradisikan berdasarkan dengan undang-undang sivil. Saya rasa oleh sebab di CP negara kita ini ada Akta Keluarga Islam, maka saya merasakan perlulah mereka ini diekstradisikan dengan Akta Keluarga Islam. Itulah beberapa soalan daripada saya dan saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yangdi-Pertua: Parit Sulong.

5.42 *ptg.*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan yang telah mengambil satu langkah untuk menyelaraskan undang-undang yang berbeza untuk menjadi satu Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 yang sedang dibincangkan ini, dan saya yakin harapan untuk memudahkan lagi proses ekstradisi penjenayah buruan dari Malaysia dan di luar Malaysia menemsi undang-undang ini akan berjaya di kemudian hari kelak.

Saya amat tertarik kepada peruntukan Fasal 49 iaitu mengenai satu peruntukan baru yang mencerminkan salah satu peruntukan mengenai ekstradisi di bawah konvensyen untuk membanteras kegiatan pengedaran dadah narkotik dan bahan psycotropik, Saya rasa ini amat selaras dengan sophistication ataupun taraf jenayah yang semakin meningkat, kemajuan jenayah yang semakin rumit, dan khususnya jenayah-jenayah besar yang bercorak antarabangsa dan paling khusus sekali iaitu jenayah-jenayah mengenai dadah. Oleh kerana kita tahu, banyak di antara perkara yang kita

memberi perhatian yang penuh adalah mengenai dadah. Jadi, dalam hal ini, saya cuma ingin menimbulkan satu persoalan dan pertanyaannya. Adakah kita pernah mengalami kesukaran-kesukaran untuk membawa pulang penjenayah-penjenayah yang khusus mengenai dadah yang telah mencari perlindungan dan persembunyian di luar negeri kita selama ini? Berapakah orang-jumlahnya, ataupun pernahkah dimaklumkan kepada pengetahuan kita tentang adanya penjenayah-penjenayah dadah antara-bangsa yang mencari perlindungan di negara kita sejak berapa lama ini dan pernahkah dihantar pulang? Dan saya rasa peruntukan ini akan memudahkan lagi pihak sama ada Cawangan Anti Dadah kita ataupun Interpol yang bertanggungjawab untuk menumpaskan penjenayah-penjenayah dadah, pengedar-pengedar dadah yang bertaraf "jeneral" kerana selama ini kita hanya tahu pengedar-pengedar bawahan sahaja, pengedar-pengedar dadah di peringkat yang bawah sahaja yang termampu dibawa ke meja keadilan dan akhirnya didedahkan dengan kerusi elektrik dan mati. Sedangkan jeneral-jeneralnya tidak pernah tangkap. Adakah ini merupakan kelemahan kita ataupun mungkin orang ini beroperasi di luar negara kita? Itu satu persoalan dari saya.

Yang keduanya, adalah mengenai penghantaran pulang atau tidak boleh menghantar pulang penjenayah-penjenayah politik. Baru-baru ini, saya amat tertarik dengan perkembangan di dalam satu mesyuarat antara Menteri-menteri ASEAN di mana permohonan telah dibuat oleh pihak negara jiran kita, iaitu Indonesia mengenai orang-orang buruan politik yang didatangkan dari Aceh. Dan kalau tidak silap saya, pihak Malaysia telah memberi kata untuk mengkaji masalah ini untuk perkembangan selanjutnya.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pertimbangan yang sewajar-wajarnya dijalankan. Jangan di dalam kita memenuhi obligasi kekeluargaan kita.

iaitu kekeluargaan nusantara di antara pemerintahan Indonesia dengan pemerintahan Malaysia yang memang terkenal dengan 'brotherhood'nya yang amat kental, pada masa-masa akan datang akan mencetuskan pula keadaan-keadaan yang mungkin akan mcngeruhkan lagi suasana di dalam negara kita. Oleh kerana sekiranya, umpamanya menerusi undang-undang ini, penjenayah-penjenayah politik itu memang tidak boleh dipulangkan ke Indonesia, tetapi sekiranya atas perkiraan-perkiraan lain maka membolehkan kita memulangkan penjenayah itu, ini akan berkesudahan dengan kemungkinan kita akan dibanjiri dengan pelarian-pelarian politik ke negara kita dari negeri yang berkenaan. Jadi, saya harapkan perkara ini akan dipertimbangkan dengan sehalus-halusnya dari semua aspek, dari semua sudut supaya tidak akan menimbulkan apa-apa pun pertelingkahan, apa-apa kekecilan hati di kalangan dua negara yang memang bersahabat karib yang mempunyai pertalian persaudaraan yang amat erat seperti mana yang saya katakan tadi.

Pada waktu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya harapkan masalah-masalah politik ataupun buruan-buruan politik ini juga harus dikaji. Buruan politik bagaimanakah yang tidak boleh dipulangkan ke negara asalnya? Bagaimanakah kalau buruan politik itu buruan politik yang tidak selaras ideologi politiknya dengan politik kita? Perkara ini juga harus kita mempertimbangkan. Oleh kerana, kalau kita memberi perlindungan politik ataupun melindungi penjenayah-penjenayah politik di mana ada ideologi politiknya adalah tidak selaras dengan kita, ini juga mungkin akan menjadikan punca kepada masalah-masalah politik di masa akan datang.

Seterusnya, saya ingin cuma bertanya sama ada Malaysia telah menandatangani treaty ataupun perjanjian ekstradisi dengan negara-negara seperti, umpamanya Perancis, kerana saya difahamkan di negeri Perancis sendiri

sekarang ini ada tersembunyi beberapa orang penjenayah yang tidak boleh dibawa pulang oleh kerana kita tidak mempunyai extradition agreement ataupun perjanjian ekstradisi dengan negara-negara sedemikian. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Alor Setar.

5.49 *ptg.*

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar); Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang yang berhubungan dengan ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan iaitu Akta Ekstradisi 1991.

Saya difahamkan bahawa Rang Undang-undang ini adalah ditujukan untuk menyatukan peruntukan-peruntukan Ordinan Ekstradisi 1958 dan juga Akta Penjenayah Buruan Komanwel 1967 supaya penjenayah-penjenayah baik pun warganegara Komanwel mahupun warganegara asing dapat dipulangkan di bawah Akta ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyatukan segala ordinan-ordinan dan Akta yang berhubungan dengan ekstradisi adalah tepat sekali dan tidak lagi mengelirukan pihak-pihak tertentu sebab dengan adanya Akta Ekstradisi ini maka semua penjenayah-penjenayah buruan yang berhubungkait dengan persoalan ekstradisi akan diuruskan di bawah peruntukan-peruntukan dalam Akta baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua termaklum perkara ekstradisi ini telah lama wujud semenjak tahun 1794. Negara-negara mana yang mempunyai perhubungan yang baik telah mengadakan suatu perkiraan yang mana penjenayah-penjenayah yang telah melakukan kesalahan yang agak serius

seperti pembunuhan dan lain-lain kesalahan keseksaan dalam negara mereka dapat juga dipulangkan secara ekstradisi oleh negara-negara yang mana penjenayah-penjenayah berkenaan telah menyembunyi. Dalam Rang Undang-undang Akta Ekstradisi yang dibincangkan pada hari ini hanya menyebut penjenayah buruan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kehakiman, adakah perkataan dalam konteks termasuk warganegara Malaysia. Walaupun negara kita mempunyai perkiraan ataupun treaty, dengan izin, dengan sebuah negara yang lain, apakah pendirian negara kita jika seseorang warganegara kita telah melakukan salah satu kesalahan yang disenaraikan dalam Akta ini ataupun dalam treaty minta diekstradisikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pendirian kita bahawa kita akan menghantar pulang warganegara kita hanya berasas kepada permintaan dan keikhlasan negara itu, saya percaya memang ini tidak berapa adil, sebab kita cuma hanya mendengar apa yang boleh dikatakan oleh negara yang lain dan kita tidak mempunyai bukti-bukti dengan apa kesalahan yang dilakukan oleh warganegara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya perkiraan ataupun treaty, dengan izin, yang akan diadakan di antara negara kita dan juga negara yang lain mempunyai senarai kesalahan yang mana permintaan diekstradisikan dapat diuruskan mengikut prosedur yang begitu licin dan teratur. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada kesalahan-kesalahan secara double criminality, dengan izin, dengan negara yang mempunyai perkiraan dengan kita hanya boleh diekstradisikan.

Saya juga ingin mendapat penjelasan mengapa Akta ini tidak dapat diperluaskan kepada orang-orang yang bukannya tetap dipanggil sebagai

penjenayah tetapi yang telah diisytiharkan di mahkamah sebagai mufliis ataupun bankrap tetapi telah melarikan diri ke negara lain dan mempunyai harta benda dan kehidupan yang kaya mewah dan tidak dapat diekstradisikan di bawah Akta ini.

Saya juga difahamkan bahawa orang-orang yang melakukan kes-kes kesalahan fizikal juga dapat dipulangkan di bawah Akta Ekstradisi. Ini adalah satu langkah yang baik dan tepat, sebab baru-baru ini kita dapat membaca dalam suratkhbar bahawa di negeri Johor sahaja mempunyai 28,000 orang-orang individu dan syarikat yang tidak menjelaskan cukai pendapatan. Jika sebahagian orang-orang ini melarikan ataupun berhijrah ke negara yang lain, memang negara kita akan mengalami kerugian yang amat besar.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pelari-pelari cukai terpaksa diekstradisikan, segala harta benda yang berada di negara-negara yang mana dimiliki oleh mereka terpaksa ditahan dan dibekukan supaya pelari cukai tersebut dapat dengan relanya menjelaskan segala hutang kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 18 Akta Ekstradisi ini kita dapat melihat bahawa penjenayah-penjenayah kalau ditangkap atau pun berasal dari permintaan negara-negara yang lain akan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen. Pada pendapat saya jika penjenayah-penjenayah dapat membuat permohonan secara habeas corpus kepada Mahkamah Tinggi sebab apa penjenayah-penjenayah ini tidak dihadapkan ke Mahkamah Tinggi tetapi di Mahkamah Sesyen. Jika penjenayah-penjenayah dapat membuat permohonan habeas corpus kepada Mahkamah Tinggi, saya percaya perkara ekstradisi salah satu perkara yang amat serius terpaksa ataupun hanya dapat dipertimbangkan di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin membangkitkan sedikit mengenai perkara ekstradisi di rantau ASEAN. Pada pendapat saya memandangkan perhubungan di antara semua negara di rantau ASEAN begitu baik dan rapat, kita harus memperjuangkan supaya semua negara-negara di rantau ini dapat menandatangani triti ekstradisi yang mana kita dapat melihat bahawa pelabur-pelabur di negara ASEAN dapat lagi diperkuatkan. Kalau tidak silap saya negara kita tidak mempunyai perkiraan ekstradisi dengan negara Taiwan, oleh kerana kita hanya memperakui negara China (People's Republic of China) tetapi memandangkan pelaburan yang begitu pesat yang telah datang dari Taiwan maka dengan adanya perkiraan ekstradisi kesalahan yang dilakukan dalam negeri kita baikpun oleh warganegara kita mahupun warganegara Taiwan dapat dipulangkan kepada kita untuk dihadapkan di mahkamah.

Saya harap pihak Kerajaan dapat mengkaji secara mendalam sama ada dah segi international law kalau kita tidak memperakui sebuah negara seperti Taiwan sama ada kita dapat mengadakan satu ekstradisi triti dengan mereka. Dengan kata-kata sedemikian, saya pohon menyokong. Sekian,terimakasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.58ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Ekstradisi 1991. Terlebih dahulu biar saya terangkan secara umum iaitu tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk mengemaskinikan kedua undang-undang dan juga amalan-amalan antarabangsa dan triti-triti yang telah

kita sokong. Jadi, dalam hal ini ia bertujuan sebenarnya untuk menjelaskan kedudukan ekstradisi dengan peruntukan-peruntukan tertentu.

Perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan soal kepentingan politik ataupun kepentingan negara. Apabila kita mengadakan sesuatu undang-undang ia adalah bertujuan untuk memberikan keadilan untuk mendatangkan kesenangan kepada negara dan juga bagi mempertahankan kedudukan rakyat kita dari segi undang-undang. Oleh itu adalah menjadi tujuan Kerajaan dengan adanya undang-undang ini semua perkara berkenaan ekstradisi akan menjadi lebih jelas dan kita boleh membawa perkara ini ke mahkamah untuk ditentukan.

Saya suka sekarang, Tuan Yang di-Pertua, menjawab dengan satu persatu perkara yang telah dibawa pertamanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut yang telah memberikan penerangan dan latarbelakang yang panjang lebar tentang ekstradisi dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas segala pandangan Yang Berhormat dan kita telah mengambilkira bagi memastikan terutamanya bahawa negara tidak akan menjadi tempat tumpuan penjenayah buruan semata-mata, kerana negara ini tidak ada perjanjian ekstradisi dengan negara tempat penjenayah itu melakukan jenayahnya.

Setakat yang diketahui negara ini tidak menjadi tempat tumpuan penjenayah-penjenayah. Cadangan Yang Berhormat dari Larut supaya diselaraskan kesalahan ekstradisi negara yang dengannya kita membuat triti ekstradisi akan diambilkira.

Cadangan Yang Berhormat itu supaya kita membuat perjanjian ekstradisi dengan negara-negara yang belum ada perjanjian ekstradisi dengan negara kita

juga akan diambil kira. Sekarang ini sebenarnya, perundingan sedang kita jalankan dengan pihak berkuasa Hong Kong dan Amerika Syarikat untuk mengadakan perjanjian ekstradisi dengan Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas telah membangkitkan berkenaan dengan Fasal 8 dan Fasal 32 yang dibaca bersama dengan Fasal 5. Beliau telah membangkitkan berkenaan penakrifan kesalahan yang bersifat politik dan, pada pandangan saya, kesalahan yang bersifat politik ini bukan menjadi satu masalah. Dengan adanya undang-undang ini sebenarnya, ia memberikan perlindungan kepada mereka yang hendak diminta diekstradisikan untuk dikecualikan dari diekstradisikan jika kesalahan itu ditakrifkan oleh Mahkamah dengan bukti-bukti yang jelas sebagai suatu kesalahan yang bersifat atau berbau politik. Misalnya, seperti kesalahan semata-mata seseorang itu diminta untuk diekstradisikan oleh negara lain kerana ia menjadi anggota parti politik pembangkang yang menentang Kerajaan memerintah, itu adalah satu perkara yang dianggap sebagai yang bersifat politik. Kalau kita lihat dari segi amalan antarabangsa, penakrifan kesalahan bersifat politik ini sudah mantap dan tafsiran ini tidak perlu kita jelaskan lagi. Apa yang pentingnya ialah perkara ini dihadapkan di Mahkamah dan Mahkamah akan menentukan butiran-butiran berkenaan kesalahan di mana diminta ekstradisi dilakukan.

Kesalahan berkenaan dengan perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kesalahan yang mana seorang boleh diekstradisi, ianya ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman tidak kurang daripada satu tahun ataupun hukuman mati, kerana itulah yang sudah diterima dalam Skim Ekstradisi Komanwel yang sedang berkuatkuasa sekarang. Ia juga pada dasarnya apa yang berkuatkuasa sekarang ini. Jadi, tidak ada apa-apa

perubahan baru. Kita hanya meletakkan perkara yang telah diterima dan diamalkan dan mengikut keadaan yang ada pada masa ini.

Dari segi perkara yang dibawa berkenaan dengan pemakaian Seksyen 323 Kanun Acara Jenayah, ia tidak jelas bahawa peruntukan kejadian semula boleh dibuat datam kes ekstradisi. Pada saya, ianya lebih jelas dalam peruntukan yang dicadangkan ini. Bagaimana ianya boleh dibawa untuk pengajian semula dengan jelasnya diterangkan dalam peruntukan di bawah Akta ini sendiri. Kesalahan kurang dari 6 bulan hukumannya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, kita ada apa yang dikenali sebagai Summons and Warrants (Special Provisions) Act, dengan izin, untuk negara Singapura dan oleh itu ia tidak hanya melalui Deportation Order. Ini bermakna ia boleh juga melalui peruntukan Akta ini dan bagaimana, jika kesalahan di bawah 6 bulan hukumannya, boleh diambil tindakan untuk membawa orang itu pulang ke negara yang meminta.

Ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas mengapa perbicaraan diletakkan di Mahkamah Sesyen dan dikatakan ini dianggap sebagai satu perkara yang membebaskan. Alasannya ialah pada masa ini perbicaraan kes-kes untuk ekstradisi didengar atau dibicarakan dalam Mahkamah Magistret dan peningkatan ke Mahkamah Sesyen adalah bertujuan untuk memberikan persoalan yang sering timbul dalam kes yang lebih rumit, iaitu perkara undang-undang yang lebih rumit supaya dibicarakan dengan lebih teratur dan lebih teliti lagi oleh Mahkamah Sesyen yang terdiri daripada Hakim-hakim yang lebih berpengalaman daripada Magistret.

Tadi, saya ingin menambah, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Summons and Warrants (Special Provisions) iaitu untuk membawa

seseorang itu balik bagi kesalahan di bawah 6 bulan hukumannya, iahanya boleh dilakukan setelah ditangkap atau diendorsekan tangkapan atau diserahkan summons tanpa prosiding committal. Jadi, ini tidak memerlukan masa yang lama untuk perbicaraan di Mahkamah.

Ahti Yang Berhormat dari Nilam Puri telah membawa banyak persoalan. Persoalan yang dibawakan adalah berhubung dengan pandangan dan sikap Kerajaan Malaysia. Saya fikir dari segi tindakan, jelas terbukti bahawa Kerajaan Mataysia sekarang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, kita juga menjadi pejuang kepada negara-negara ketiga dan mengambil sikap yang serius untuk membela negara-negara yang tertindas dan masyarakat yang tertindas. Sebagaimana yang disebutkan kita jugalah yang memperjuangkan hak rakyat kulit hitam di South Africa dan mengakui kedudukan PLO dan Mujahideen. Jadi, semua tindakan-tindakan kita Padalah selaras dengan pegangan kita untuk mendapatkan keadilan sosial bagi masyarakat antarabangsa selagi ianya tidak menjejaskan perhubungan di antara negara kita dengan negara lain.

Oleh itu, kepentingan negara adalah menjadi satu asas supaya negara kita ini tidak dijadikan sebagai negara di mana penakrifan penjenayah buruan itu dapat mengambil peluang untuk menggunakan negara kita sebagai tempat perlindungan mereka. Oleh itu peruntukan berkenaan kesalahan politik ini bukanlah bermaksud bahawa kita telah membuat perjanjian untuk menghantar balik penjenayah buruan yang lari dari keadaan potitik. Fasal 8(e) sebenarnya sebagaimana yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi, memberikan satu perlindungan untuk penjenayah politik. Jadi, ia boleh memberikan pembelaan kepada orang yang dianggap sebagai penjenayah politik.

Kalau kita baca Seksyen ini betul-betul, ia bermaksud bahawa jika seseorang telah diserahkan kepada

sebuah negara kerana kesalahan mencuri atau kesalahan merogol pula, dia tidak boleh dibicarakan alau ditahan di negara itu, yang dilakukan sebelum dia dipulangkan kecuali jika dia sudah diberikan peluang untuk meninggalkan negara itu. Jadi, ini bukan peruntukan baru. Ia memang sudah ada dalam undang-undang yang ada sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ada meminta bilangan penjenayah yang diminta ekstradisi. Saya hanya ada angka-angka mengenai tahun 1988. Pada tahun 1988 dalam satu kes seorang rakyat German terlibat dan kesalahannya ialah computer fraud, iaitu kesalahan berkenaan dengan penipuan komputer. Ia ditangkap bukan di Malaysia tetapi di German Barat. Pada tahun 1989 dan 1990, saya tidak ada apa-apa angka berkenaan kes ekstradisi. Pada tahun 1991 ada 2 kes yang melibatkan orang Malaysia. Kesalahan seorang itu ialah juga penipuan, dia sudah ditangkap dan perbicaraan diadakan pada 20hb Julai, 1991. Kedua, ialah orang Malaysia juga, kesalahannya pembunuhan-belum dapat ditangkap lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada bertanya berkenaan dengan soal persaksian yang tidak ada dimuatkan atau dimasukkan dalam Akta Ekstradisi ini. Saya suka menjelaskan di sini bahawa sebenarnya Akta ini memperuntukkan perkara berkenaan dengan kesalahan-kesalahan penjenayah buruan yang boleh diekstradisikan, tetapi ia tidak mengecualikan undang-undang berkenaan dengan Akta Keterangan. Ia tertakluk kepada Akta Keterangan bagi prosedur itu. Kalau ia adalah satu kesalahan jenayah, ia tertakluk kepada Kanun Prosedur Jenayah. Jadi, bila kita membaca satu-satu undang-undang berkenaan sesuatu perkara, ia hanya tidak melibatkan undang-undang ini sahaja, kita terpaksa merujuk kepada undang-undang yang lain yang dipakai semasa di dalam perbicaraan atau prosiding sesuatu kes itu.

Berkenaan dengan takrif politik, saya sudah jawab tadi, yang disoalkan juga oleh Ahli Yang Berhormat yang lain.

Berkenaan penjenayah buruan, penakrifan ataupun maksud penjenayah buruan ini adalah terkandung di dalam Seksyen 5. Kalau kita baca Seksyen 5, "penjenayah buruan" ertinya mana-mana orang yang dituduh atau disabitkan atas suatu kesalahan ekstradisi yang dilakukan di dalam bidang kuasa negara lain dan yang berada, atau disyaki berada, di suatu bahagian di Malaysia dan bila kita rujuk kepada satu kesalahan ekstradisi, ia perlu pula dibaca dengan penakrifan kesalahan ekstradisi yang sebelumnya, iaitu "kesalahan ekstradisi" ertinya satu kesalahan yang diperihalkan dalam sub-seksyen 6(2) atau 6(3).

Jadi, ia banyak kena baca, kena kait-kaitkan dan terpaksa dihubungkan di antara satu seksyen dengan seksyen-seksyen lain supaya kita dapat melihat undang-undang itu dengan lebih jelas lagi.

Berkenaan dengan kesalahan agama, ini jelas kalau kita baca dan melihat di dalam peruntukan 8(b) yang berbunyi:

"Jika permohonan bagi penyerahannya, walaupun berupa sebagai dibuat bagi suatu kesalahan ekstradisi, adalah sebenarnya dibuat bagi maksud mendakwa atau menghukum orang itu oleh sebab rasnya, agamanya..."

Kalau kesalahan itu adalah satu kesalahan yang dibawa yang bermakna satu kesalahan agama, ia bukanlah satu kesalahan yang boleh diekstradisikan. Ini mengikut peruntukan Seksyen 8(b), semata-mata kerana penganutan agamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong membawa perkara berkenaan penjenayah-

penjenayah dadah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, belum ada buat masa ini permintaan ekstradisi sejak konvensyen membanteras dadah bagi mana-mana orang yang dikehendaki kerana kesalahan mengedar dadah. Jadi, ini belum ada mana-mana permintaan ekstradisi lagi.

Mengenai buruan politik yang tidak selaras ideologi politiknya, pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, walaupun prosiding ekstradisi tidak terpakai bagi mereka, namun mereka boleh dilarang masuk atau dihantar keluar di bawah Undang-undang Imigresen jika tak diinginkan di negara ini. Jadi, bukan sahaja kita untuk Ujian itu, jika seseorang itu dianggap bukan sebagai penjenayah buruan, oleh itu dia tidak boleh di ekstradisikan atau dia tidak melakukan apa-apa kesalahan tetapi ideologi politiknya itu membahayakan kita atau kedatangan atau kehadiran seseorang rakyat asing di negara kita tidak sesuai dengan keamanan atau ketenteraman negara kita, ataupun hubungan negara kita dengan negara-negara lain, maka kita boleh mengikut Undang-undang Imigresen, kita tidak membenarkan orang itu untuk tinggal di dalam negara kita dan menghantar orang itu pulang ke negara asalnya.

Ekstradisi dengan negara-negara lain, kita ada perkiraan ekstradisi dengan semua negara Komanwel. Jadi, semua negara Komanwel ada extradition arrangement. Begitu juga dengan Indonesia dan Thailand. Memang betul buat masa ini kita belum ada lagi hubungan dengan Perancis, setakat yang saya ketahui belum ada lagi ekstradisi dengan Perancis.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar mengenai penjenayah buruan adakah termasuk warganegara Malaysia. Jawapannya ialah ya, tetapi kita boleh menolak permintaan itu, kalau warganegara Malaysia melakukan

sesuatu kesalahan yang boleh diekstradisikan, memang kita boleh mengambil tindakan. Dan jika mahkamah kita ada bidangkuasa, kita boleh mendakwanya di negara ini. Jadi, peruntukan ini kita masukkan di bawah Fasal 49(1)(a), di mana kalau sesuatu kesalahan dilakukan oleh warganegara Malaysia, ia adalah suatu kesalahan yang boleh diekstradisikan tetapi ia di dalam bidangkuasa mahkamah kita di Malaysia, maka perbicaraan kes itu boleh dilakukan di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat juga ada menyebutkan berkenaan orang muflis yang lain. Mula-mula sekali kita mesti faham daripada segi konsep undang-undang ini iaitu berkenaan penjenayah. Jadi, kalau dalam kes-kes sivil biasa ia tidak termasuk dan tidak termasuk dalam hal undang-undang penjenayah buruan ini, tetapi kalau dia melakukan kesalahan di bawah Akta Kebankrapan dan kesalahan itu adalah satu kesalahan yang boleh dihukum penjara setahun, maka dengan itu orang itu juga boleh dikira sebagai penjenayah buruan. Jadi, ia mesti termasuk di dalam penakrifan orang yang telah melakukan kesalahan yang boleh dipenjarakan selama setahun. Jikalau perkara yang demikian berlaku, maka bolehlah diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang mungkin saya tidak sentuh atau saya telah tertinggal daripada menjawabnya, saya akan mengambil perhatian semua pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pandangan dan pendapat yang diberi di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.18 *ptg.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 bagi melicinkan tagi pelaksanaan dan pentadbiran Akta tersebut. Pindaan

yang dicadangkan int juga bertujuan menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan dengan mengadakan peruntukan yang lebih longgar dan menarik supaya ianya dapat dibangunkan sebagai suatu Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang sihat dan berkembang.

Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 telah mula dikuatkuasakan pada 1 hb Oktober, 1990 bagi membolehkan penubuhan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan. Sebagai suatu Akta yang baru Kerajaan mendapati beberapa perubahan perlu dibuat terhadap Akta tersebut supaya Labuan yang merupakan suatu IOFC yang baru dapat bersaing dengan IOFC-IOFC yang sedia ada di dunia ini dan berkembang sejajar dengan hasrat Kerajaan menjadikannya sebuah pusat kcwangan antarabangsa yang maju di masa akan datang.

Pindaan yang dicadangkan buat kali pertamanya ini telah mengambil kira pandangan dan cadangan dari mereka yang berkecimpung di dalam aktiviti-aktiviti luar pesisir dan juga pandangan-pandangan yang diketengahkan melalui seminar-seminar mengenai Labuan yang telah beberapa kali diadakan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan pada kali pertama ini meliputi 11 seksyen iaitu Seksyen-seksyen 6, 29, 31, 87, 109, 111 dan 112 serta pengenalan 4 seksyen baru iaitu Seksyen-seksyen 113A, 150, 151 dan 152.

Seksyen 6 Akta tersebut melarang pemastautin daripada memegang syer di dalam sesebuah syarikat luar pesisir kecuali pemastautin yang merupakan sebuah syarikat amanah yang didaftar di bawah Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 dan bank atau syarikat insurans tempatan yang dibenarkan oleh Akta Bank Luar Pesisir 1990 atau Akta Insurans Luar Pesisir 1990 untuk menubuhkan anak syarikat di Labuan.

Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990 yang juga membenarkan mereka yang berurusan tidak menyatakan bahawa sesuatu anak syarikat perlu ditubuhkan di bawah Akta-akta tersebut dan juga strukur pegangan syer-syer. Oleh sebab itu, adalah didapati wajar Akta Syarikat Luar Pesisir dipinda agar bank-bank Malaysia dan syarikat-syarikat insurans boleh menubuhkan sebuah bank luar pesisir atau syarikat-syarikat insurans luar pesisir yang ditubuhkan secara bersama dan bank atau syarikat insurans tempatan tidak perlu memegang lebih daripada 50% saham ekuiti.

Cadangan pindaan kepada Seksyen 29(2) didapati perlu agar pelawaan untuk mendeposit wang dengan/atau memberi pinjaman wang kepada sesebuah syarikat luar pesisir boleh dibuat oleh sesebuah bank luar pesisir kepada pemastautin-pemastautin Malaysia selaras dengan kebenaran, persetujuan atau arahan di bawah Akta Kawalan Pertukaran 1953. Sebelum ini seksyen tersebut melarang pelawaan yang sedemikian dan ini juga merupakan suatu percanggahan kepada Seksyen 7(3) yang membolehkan syarikat luar pesisir berurus niaga dengan pemastautin Malaysia jika Akta Bank Luar Pesisir membenarkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 31(1) yang sedia ada melarang sesebuah syarikat luar pesisir daripada menerima deposit atau pinjaman dari orang awam tanpa prospektus kecuali jika ianya sebuah syarikat ditetapkan atau ia menerima atau meminjam daripada kurang dari 20 orang. Oleh kerana salah satu daripada aktiviti utama sesebuah bank luar pesisir ialah menerima deposit dan memberi kemudahan kredit maka tidaklah wajar jika sekiranya prospektus diperlukan didaftar dengan Pendaftar Syarikat pada setiap kali transaksi.

Walaupun menurut Seksyen 31(6), Menteri bolehewartakan mana-mana syarikat luar pesisir sebagai syarikat ditetapkan bagi maksud-maksud untuk menerima deposit atau meminjamkan wang, prosedur untuk melakukannya adalah remeh kerana tiap-tiap syarikat luar pesisir terpaksa membuat permohonan sendiri kepada Menteri untuk mendapatkan status tersebut. Adalah difikirkan lebih sesuai jika status secara automatik diperkenalkan di dalam Seksyen 31 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 supaya sebuah bank luar pesisir yang dilesenkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 terus ditakrifkan sebagai syarikat ditetapkan.

Peruntukan baru ini akan memberi pengisytiharan secara menyeluruh en bloc kepada semua bank luar pesisir sebagai syarikat ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Seksyen 87 menghendaki semua pengarah pemastautin sesebuah syarikat luar pesisir dilantik dari kalangan pegawai-pegawai dari sesebuah syarikat amanah. Kehendak seperti itu didapati kurang wajar kepada syarikat luar pesisir yang ditubuhkan oleh sesebuah bank atau syarikat insurans tempatan terutamanya jika syarikat-syarikat tersebut di atas sebab-sebab tersendiri tidak berhasrat untuk menubuhkan sesebuah syarikat amanah di Labuan. Tanpa peruntukan yang mengecualikan di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir sesebuah bank atau syarikat insurans tempatan terpaksa melantik seorang pegawai sebuah syarikat amanah sebagai pengarah pemastautin ataupun menubuhkan syarikat amanahnya sendiri jika mereka mahu pengarah pemastautin dilantik di kalangan pegawai dari kumpulan bank atau syarikat insurans mereka sendiri.

Dengan cadangan pindaan ini bank-bank dan syarikat-syarikat insurans tempatan boleh melantik pengarah pemastautin yang bukan terdiri dari pegawai syarikat amanah jika mereka ingin berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat, Yang Berhormat boleh
sambung besok ya.

Dr Sak Cheng Lum: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguh-
kan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30
petang.*